

**Denggi,
jangan
pandang ringan**

MS 3



**Jom ke Penang
Digital Library**

MS 22 & 23



buletin Mutiara

www.buletinmutiara.com



PERCUMA

1 – 15 FEBRUARI, 2017



<http://www.facebook.com/buletinmutiara>

<http://www.facebook.com/cmliimguaneng>

Guan Eng bangga integriti pemandu teksi P. Pinang

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**

Gambar : **LAW SUUN TING & DARWINA MOHD. DAUD**

GEORGE TOWN - Integriti Muhammad Yusof Chik, 48, menyerahkan kembali lebih RM1,000 tunai milik penumpang teksi beliau di Pulau Pinang, yang menjadi viral baru-baru ini mendapat pujian daripada Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng.

"Kita bukan sahaja bangga kerana mengamalkan tadbir urus Kerajaan Negeri secara bersih dan integriti, malah bangga ada pemandu teksi dari Pulau Pinang yang begitu integriti."

"Ini semangat perpaduan, semangat kekitaan dan semangat integriti yang jarang dapat dilihat di negeri lain, tapi ada di Pulau Pinang."

"Semua kita mempunyai satu usaha, bagi kita Kerajaan Negeri adalah berjiwa rakyat...dan, anda (pemandu teksi) adalah barisan pertama yang memberi layanan baik kepada pelancong, sekaligus juga sebagai duta kecil Kerajaan Negeri," jelasnya pada Majlis Pemberian Insentif Perkhidmatan Kepada Pemandu Teksi dan Operator Bas Sekolah 2017 di Dewan Sri Pinang di sini baru-baru ini.

Turut berucap, Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Mohd. Rashid Hanson, Pengurus Persatuan Gabungan Pemandu Teksi Pulau Pinang (GABUNGAN), Abdul Malik Darus dan Pengurus Persatuan Operator Bas Sekolah Pulau Pinang, Loh Choon Beng.

Exco Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalulintas dan Tebakan Banjir, Chow Kon Yeow, Lim Hock Seng (Exco Kerja Raya, Pengangkutan dan Utiliti), Chong Eng (Exco Belia & Sukan, Pembangunan Wanita, Keluarga dan Komuniti), Wong Hon Wai (Ahli Dewan Undangan Negeri, ADUN Air Itam merangkap Setiausaha Politik Kepada Ketua Menteri) dan Dr. T. Jayabalan (ADUN Batu Uban) turut serta majlis tersebut.

Guan Eng memberitahu, kali ini seramai 1,741 pemandu teksi serta 602 operator bas

sekolah menerima insentif perkhidmatan yang keseluruhannya berjumlah RM702,900.

"Seramai 1,291 orang pemandu (teksi) dari bahagian pulau dan Seberang Perai, 450 menerima insentif ini."

"Pada kali ini, seramai 602 operator bas sekolah yang ada permit sah, iaitu 297 dari bahagian pulau dan Seberang Perai (305) layak menerima insentif RM600 setahun atau RM300 dalam dua kali pemberian."

"Insentif perkhidmatan ini boleh dikongsi dengan para penerima kerana Kerajaan Negeri bersih dan 'tak makan wang' (rasuah dan pembaziran)," jelasnya.

Dalam perkembangan berkaitan, Guan Eng sekali lagi menasihatkan Kerajaan Persekutuan supaya menghapuskan Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST) yang didakwa turut membebankan para pemandu teksi dan bas sekolah termasuk untuk menukar tayar kenderaan mereka.

Dalam pada itu, dalam majlis serupa peringkat Seberang Perai yang diadakan di Pejabat Daerah dan Tanah Seberang Perai Tengah (SPT), Guan Eng memberitahu bahawa Pakatan Harapan (PH) berhasrat untuk menghapuskan tol Jambatan Pertama Pulau Pinang dan Lebuhraya Utara-Selatan jika berjaya menubuhkan Kerajaan Pusat selepas Pilihan Raya Umum Ke-14 (PRU14) nanti.

Menurutnya, mengikut perjanjian asal konsesi tol Jambatan Pertama Pulau Pinang sepatutnya tamat pada 2018, tetapi Kerajaan Pusat melanjutkan selama 20 tahun lagi sehingga 2038.

Tambah Guan Eng, perjanjian konsesi tol Lebuhraya Utara-Selatan yang sepatutnya tamat pada tahun 2018 turut dilanjutkan tempoh selama 20 tahun lagi, walhal hasil kutipan tol sehingga 31 Disember 2015 sejumlah RM36.3 bilion berbanding kos pembinaan sebenar lebuh raya sepanjang 986.5 kilometer (km) itu hanya RM5.9 bilion.

(Sambungan di muka 4)



Selamatkan Kampung Permatang Tok Suboh daripada lenyap.



Selamatkan projek terbengkalai hampir 20 tahun, Majestic Heights.

TIADA yang lebih bermakna apabila melihat air mata kegembiraan 370 pemilik unit projek terbengkalai kira-kira 20 tahun di bawah Kerajaan Negeri terdahulu, Majestic Heights di Paya Terubong menerima kunci kediaman masing-masing pada 21 Januari 2017.

Pada hari sama juga, di Kampung Permatang Tok Suboh, Machang Bubok, Parlimen Bukit Mertajam, penduduk Kampung Permatang Tok Suboh meraikan kegembiraan apabila perjuangan mereka dengan bantuan pihak Kerajaan Negeri dalam tempoh tiga tahun membuatkan pulangan yang amat mendalam erti.

JANJI DITEPATI, KATA DIKOTAI – LIM GUAN ENG.

(Liputan berita penuh di muka 15)

JKKK penghubung Kerajaan Negeri, rakyat - KM

Oleh : **WATAWA NATAF
ZULKIFLI & ZAINULFAQAR
YAACOB**
Gambar : **LAW SUUN TING &
AHMAD ADIL MUHAMAD**

BERTAM - Seramai 4,059 orang, termasuk 953 wanita dilantik menerima surat pelantikan sebagai anggota Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Komuniti (JKKK) dalam dua majlis rasmi di bahagian pulau dan Seberang Perai baru-baru ini.

Ketika berucap, Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng berharap mereka yang dilantik memainkan peranan sebagai penghubung antara Kerajaan Negeri dan masyarakat setempat.

"Sekiranya anda gagal memainkan peranan sebagai penghubung antara Kerajaan Negeri dan rakyat, mungkin kita juga akan tumbang dalam pilihan raya besar akan datang," jelasnya yang juga Setiausaha Agung DAP di Dewan Millennium Kepala Batas di sini baru-baru ini.

Turut berucap pada Majlis Penyampaian Surat Pelantikan JKKK Peringkat Seberang Perai berkenaan, Timbalan Ketua Menteri I, Dato'

Mohd. Rashid Hasnon.

Hadir sama, Exco Belia & Sukan, Pembangunan Wanita, Keluarga dan Komuniti, Chong Eng dan Danny Law Heng Kiang (Exco Pembangunan Pelancongan).

Guan Eng memberitahu, Kerajaan Negeri hari ini sedar peri penting fungsi JKKK, hatta menaikkan RM50 lagi eluan bulanan Pengerusi jawatankuasa itu menjadi RM700 berkuat kuasa pada 1 Januari lepas.

Malah, katanya, eluan bulanan Setiausaha JKKK turut ditambah RM50 lagi menjadi RM600.

Tidak cukup dengan itu, tambah beliau, Kerajaan Negeri turut menaikkan RM10 lagi eluan mesyuarat menjadi RM50, yang layak dinikmati oleh semua anggota JKKK.

"Bagi eluan Pengerusi dan Setiausaha untuk 299 JKKK menelan peruntukan tahunan sebanyak RM4,664,400, manakala peruntukan tahunan eluan mesyuarat mereka keseluruhannya, RM1,332,200.

"Penambahan eluan baharu ini akan melibatkan kos keseluruhan sebanyak RM7,295,600 setahun dengan peningkatan sebanyak 12.75 peratus, berbanding perbelanjaan keseluruhan JKKK bagi tahun 2017

sejumblah RM6,470,360," jelasnya.

Justeru, Guan Eng menyatakan semua anggota JKKK meningkatkan mutu perkhidmatan serta membantu kemenangan Pakatan Harapan (PH) untuk menang dalam penggal ketiga sebagai Kerajaan Negeri dalam pilihan raya umum (PRU) akan datang.

Sebelum itu, Mohd. Rashid menyatakan bawah terdapat 287 daripada semua 299 JKKK di kelima-lima daerah diperakuan menerima surat pelantikan JKKK bagi dwi tahunan ini.

Di Bahagian Seberang Perai, seramai 2,334 orang termasuk 520 wanita mengisi perjawatan dalam 58 JKKK dari Daerah Seberang Perai Utara (SPU), 64 JKKK dari Daerah Seberang Perai Tengah (SPT) dan 42 lagi JKKK dari Daerah Seberang Perai Selatan (SPS).

1,725 lagi anggota JKKK adalah dari Daerah Timur Laut (DTL) dan Daerah Barat Daya (DBD).



SELURUH anggota JKKK yang baru menerima surat pelantikan merakamkan gambar bersama-sama Ketua Menteri dan barisan kepimpinan Kerajaan Negeri pada Majlis Penyampaian Surat Pelantikan JKKK Peringkat Pulau di sini baru-baru ini.



POSE menarik ahli jawatankuasa JKKK Parlimen Balik Pulau.

REAKSI PENERIMA:

Sementara itu, beberapa JKKK yang ditemui dalam Majlis Penyampaian Surat Pelantikan JKKK Bahagian Pulau dekat Dewan Sri Pinang masing-masing menyatakan iltizam untuk meningkatkan mutu perkhidmatan serta mengukuhkan sokongan rakyat terhadap Kerajaan Negeri.



S. Deepa.

S. DEEPA, 29, berkata, beliau berhasrat untuk mengukuhkan kepemimpinan wanita di peringkat komuniti.

"Saya berasa sedikit gementar apabila terpilih sebagai JKKK Ladang Lada di bawah Kawasan Dewan Undangan Negeri (KADUN) Kebun Bunga kerana ini merupakan kali pertama saya akan berkhidmat kepada masyarakat."

"Saya bertekad akan memberikan perkhidmatan terbaik, khususnya melibatkan golongan yang memerlukan serta memperkasakan penglibatan kaum



MOHD. Hafiz Abdul Aziz.

wanita seperti diamanahkan oleh Ketua Menteri," ujarnya yang berkhidmat sebagai juruwang.

MOHD. HAFIZ ABDUL AZIZ, 55, turut melahirkan penghargaan kerana kekal dilantik sebagai JKKK.

"Ini merupakan penggal ketiga saya menjadi JKKK bagi kawasan Taman Tun Sardon.

"Saya gembira dapat memberikan perkhidmatan kepada masyarakat setempat seperti yang diamanahkan oleh Kerajaan Negeri dalam memastikan Pakatan Harapan (PH) terus memenangi hati rakyat."

"Ini kerana, bagi saya Kerajaan Negeri hari ini adalah yang terbaik, tambahan pula ADUN (Ahli Dewan Undangan Negeri) di kawasan saya, R.S.N. Rayer yang kerap kali turun padang sampai kadang-kala kami (JKKK) ini pun letih,"

selorohnya kepada Buletin Mutiara baru-baru ini.



MERASIK Jabbar.

Nada sama turut diluahkan oleh **MERASIK JABBAR**, 64.

"Saya bekas ahli UMNO, jadi saya tahu apa beza JKKK zaman pemerintahan dahulu dengan pemerintahan sekarang. Kerajaan Negeri sekarang bertindak lebih efektif dan berkesan, buat kerja laju tanpa pilih kasih."

"Misalnya, kami (JKKK) kalau mohon bantuan kerusi roda, lampin pakai buang dan lain-lain, Yang Berhormat (YB) akan cepat respons kepada permintaan."

"Saya berani cakap, jika masuk kawasan Sungai Gelugor, jika kutuk Rayer kata tidak bagus, maka penduduk akan marah, jadi itulah tahap perkhidmatan ADUN yang kami JKKK banggakan hari ini," jelasnya yang juga Pengerusi JKKK Sungai Gelugor.

SHAHROM KHAMIS, 42 pula berkata, pihaknya akan terus memulihara infrastruktur kemudahan awam komuniti sebaik mungkin.

"Sepanjang tiga penggal di JKKK Mayang Pasir, sedikit-sebanyak perubahan kami sudah lakukan di sana, antaranya tandas awam yang sebelum itu 10 tahun tidak dapat digunakan, kami berjaya pulihkan semula."

"Selain itu, JKKK juga mengambil inisiatif memuliharkan padang bola sepak di Bayan Baru, naik taraf longkang, penambahan taman permainan yang lebih besar, aktiviti hari keluarga, pertandingan bola sepak sembilan sebelah, gotong royong perdana dan pelbagai lagi."

"Bagi penggal baharu, saya sasarkan untuk mendapatkan gelanggang futsal bagi Blok A dan B dekat Mayang Pasir bagi kemudahan anak-anak muda di sini," jelasnya.



SHAHROM Khamis.

Dasar hijau, Empangan Teluk Bahang capai bacaan 100%

Oleh : NORSHAHIDA YUSOFF
Gambar : SHUM JIAN-WEI

TELUK BAHANG – Paras air di Empangan Teluk Bahang kini berada pada kapasiti penuh bagi menempuh musim panas dan kering yang lazimnya berlaku pada setiap suku tahun pertama.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng ketika melakukan tinjauan ke Empangan Teluk Bahang berkata, terkini kapasiti empangan berkaitan menunjukkan bacaan 100 peratus dan mampu membekalkan bekalan air sehingga 304 hari.

“Ini menunjukkan Kerajaan Negeri sememangnya menjalankan dasar hijau.

“Selain pengurusan yang Cekap, Akauntabiliti dan Telus (CAT) oleh pihak Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang Sdn. Bhd. (PBAPP), dua pendekatan lain turut diguna pakai bagi mengelakkan Pulau Pinang daripada mencatu air.

“Kita (Kerajaan Negeri) telah

meletakkan garis panduan bahawa kawasan bukit yang melebihi 250 kaki, sama sekali pembangunan tidak dibenarkan.

“Selain itu, Kerajaan Negeri juga telah mewartakan kawasan-kawasan tadahan air di Pulau Pinang, masyarakat boleh lihat di seluruh kawasan tadahan air di sini, persekitarannya masih kekal hijau.

“Sebab inilah empangan ini (Teluk Bahang) penuh 100 peratus,” ujarnya yang juga merupakan Exco Hal Ehwal Tanah & Pembangunan Tanah, Penerangan, Kebudayaan dan Kesenian, Warisan dan Hal Ehwal Bukan Islam di sini 20 Januari lalu.

Hadir sama, Ketua Pegawai Eksekutif PBAPP, Dato' Ir. Jaseni Maidinsa; Pegawai Penyelaras Kawasan Dewan Undangan Negeri (PPK) Teluk Bahang, Halil Sabri Hamid; PPK Pulau Betong, Mohd. Tuah Ismail dan kakitangan PBAPP.

Difahamkan, kali terakhir Empangan Teluk Bahang mencatat bacaan penuh ialah pada tahun 2013.

Dengan maksimum kapasiti 19 bilion liter air, hanya lima kali sepanjang 18 tahun sejak pembinaannya (tahun 1999), ia mencatat bacaan penuh.

Dalam pada itu, Guan Eng turut melahirkan kerisauan terhadap tahap kapasiti air di negeri Kedah yang secara tidak



KETUA MENTERI bersama-sama Ir. Jaseni Maidinsa pada sidang media sejurus lawatan kerja ke Empangan Teluk Bahang di sini, 20 Januari lalu.

langsung turut akan memberi impak kepada Pulau Pinang.

Justeru, beliau berharap Kerajaan Persekutuan dapat memberi perhatian dan melakukan pemberian awan sebagai langkah menghadapi musim kering.

Dalam pada itu, pendapat sama turut disuarakan Jaseni kerana menurutnya, ia adalah masa terbaik untuk melakukan pemberian awan.

“Pemberian awan adalah langkah terbaik untuk mengelakkan krisis bekalan air.

“Dan ia (pemberian awan) perlu dilakukan sekarang ekoran keadaan awan yang masih ada berbanding musim panas nanti,” jelas beliau.



KEHIJAUAN negeri Pulau Pinang yang dirakam dari Empangan Teluk Bahang.



BACAAN kapasiti penuh Empangan Teluk Bahang pada 20 Januari lalu.

(Rujuk juga muka 6)

Denggi, jangan pandang ringan, terus jumpa doktor walau demam biasa, nasihat KM

BUKIT TENGAH – Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng mengingatkan masyarakat supaya terus berwaspada dengan wabak denggi sungguhpun lokaliti tersebut tidak pernah diserang jangkitan tersebut.

Mengambil contoh Taman Seri Delima Indah, Juru, Seberang Perai Selatan (SPS) yang lima tahun tidak pernah diserang wabak tersebut, namun baru-baru ini mengejutkan semua dengan dua kematian.

“Kawasan ini tidak pernah diserang wabak denggi... sungguhpun kawasan di sini bersih, denggi masih boleh menyerang dari luar atau kita dijangkiti dari kawasan lain.

“Saya berharap denggi dan kematian berhenti di sini sahaja. Jangan pandang ringan tentang denggi,” serunya ketika melawat anak-anak kepada pasangan Allahyarham Azlan Md. Din, 50, dan Allahyarhamah Norma Amiruddin, 45, yang meninggal dunia akibat demam denggi masing-masing pada 16 dan 17 Januari lalu.

Dalam pada itu, Guan Eng turut menasihatkan orang ramai supaya terus berjumpa doktor walaupun hanya mengalami demam biasa.

“Tidak perlu malu dan segan untuk jumpa doktor, tidak kira walau sambutan raya sekali pun, jika demam, terus berjumpa doktor kerana denggi boleh bawa maut,” tegasnya.

Hadir sama, Exco Pertanian dan Industri Asas Tani, Pembangunan Desa dan Kesihatan, Dr. Afif Bahardin dan Pengurus Badan Pengurusan Taman Seri Delima Indah,



(DARI KIRI), MUHAMMAD Ridzwan Idzham Azlan, Nor Hidayah Azlan dan Muhammad Firdaus Azlan ketika ditemui di kediaman mereka di sini baru-baru ini.

Yahya Othman.

Pada lawatan tersebut, Guan Eng turut menyampaikan sumbangan khas berbentuk wang tunai kepada anak-anak mangsa.

Pasangan tersebut meninggalkan tiga anak iaitu, Nor

Hidayah Azlan, 23, Muhammad Ridzwan Idzham Azlan, 18, dan Muhammad Firdaus Azlan, 14.

Ketiga-tiga adik beradik tersebut kini dijaga sementara oleh bapa saudara mereka, Abdul Latif Johor, 58.

Afif dalam pada itu menyatakan bahawa individu yang terdedah di persekitaran luar pada tempoh waktu lama perlu lebih berwaspada terhadap ancaman nyamuk aedes.

“Saya sarankan supaya individu yang kerap berada di luar terutamanya, waktu aktif (subuh dan senja) nyamuk aedes, mengenakan pakaian berwarna terang, menutup anggota badan dan menggunakan repelent serangga untuk mengurangkan risiko gigitan nyamuk,” serunya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Seberang Jaya.

Sementara itu, Nor Hidayah ketika ditemui memberitahu, tiga ahli keluarganya diserang demam denggi baru-baru ini.

“Arwah ayah masuk hospital pada 14 Januari, ibu masuk pada 16 Januari dan adik (Muhammad Firdaus), 17 Januari.

“Ayah disahkan meninggal dunia pada 16 Januari di Hospital Seberang Jaya dan ibu meninggal dunia pada 17 Januari dekat Hospital Besar Pulau Pinang... adik keluar dari hospital 20 Januari,” ujarnya dalam nada sebak.

Kesempatan sama, Nor Hidayah turut mengucapkan terima kasih kepada Ketua Menteri yang sudi meluangkan masa melawat sambil menghulurkan bantuan tunai kepada mereka tiga beradik.

76% transaksi RMM, Exco kata langkah penyejukan hartaanah diteruskan

Oleh : ZAINULFAQAR YAACOB

GEORGE TOWN - Firma hartaanah *Raine & Home International* mendedahkan bahawa separuh tahun pertama (Q2) 2016 menyaksikan jual beli hartaanah jenis kediaman rumah mampu milik (RMM) di bawah harga RM500,000 adalah kira-kira 76 peratus, dan peratusan itu kekal pada separuh tahun kedua (Q4) tahun sama.

Mengulas lanjut, Exco Perancangan Bandar & Desa dan Perumahan, Jagdeep Singh Deo memberitahu, Kerajaan Negeri akan terus melaksanakan langkah penyejukan hartaanah di negeri ini, supaya pemohon yang benar-benar layak sahaja ditawarkan unit RMM.

"Hartaanah mewah didapati jatuh sehingga 15 peratus pada tahun ini (2017), berbanding 2015, dengan penurunan nilai

hartaanah mewah di atas harga RM500,000 itu akan berlarutan tiga hingga empat tahun.

"Ini menunjukkan permintaan untuk hartaanah berharga RM500,000 dan ke bawah begitu mendapat sambutan dan akibat daripada permintaan ini, Kerajaan Negeri Pulau Pinang akan terus menguatkuasakan langkah-langkah penyejukan," jelasnya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Datuk Keramat kepada pemberita di sini baru-baru ini.

Mengulas lanjut, Jagdeep memberitahu, angka transaksi hartaanah mewah di atas harga RM500,000 menurun 15 peratus itu adalah data kajian yang dikeluarkan oleh firma hartaanah *CBRE / WTW* di *CH Williams Talhar & Wong's 2017 Asia Pacific Real Estate Market Outlook*.

Tambahnya, angka 76 peratus transaksi hartaanah kediaman berharga di bawah RM500,000 itu pula adalah data kajian yang

dikeluarkan oleh *Raine & Horne International*.

"Menurut *Raine & Horne International*, 76 peratus dalam Q2 2016 adalah mewakili 5,078 daripada 6,698 transaksi."

"Dan, menurut data kajian itu lagi, 4,178 daripada 5,498 transaksi adalah menyamai angka 76 peratus pada Q4 2016."

"Pun begitu, Kerajaan Pusat melalui Bank Negara Malaysia (BNM) wajar melonggarkan syarat kelayakan pinjaman perumahan supaya lebih ramai pemohon layak membeli RMM yang ditawarkan oleh Kerajaan Negeri," seru beliau.

Dalam perkembangan lain, Jagdeep melahirkan rasa kecawa kerana tiga projek Perumahan Rakyat 1Malaysia (PR1MA) membina 4,742 unit rumah awam di Tasek Gelugor, Bukit Gelugor (Seberang Perai Utara, SPU) dan Batu Ferringhi yang telahpun diluluskan oleh Kerajaan Negeri masih belum menyaksikan perkembangan positif.

(Dari muka I)



KETUA Menteri dan barisan kepimpinan Kerajaan Negeri bergambar kenangan dengan para penerima pada Majlis Pemberian Insentif Perkhidmatan Kepada Pemandu Teksi dan Operator Bas Sekolah 2017 (Peringkat Seberang Perai) di sini baru-baru ini.

"Kena menang di Putrajaya, baru ada kuasa untuk melakukannya, menang Kerajaan Negeri sahaja tak cukup kuasa untuk menghapuskan tol dan hapuskan GST (Cukai Barang dan Perkhidmatan) ini," ujarnya.

Sementara itu, Abdul Malik sekali lagi menggesa Kerajaan Persekutuan supaya membela kepentingan pemandu teksi yang terjejas teruk hasil pendapatan, akibat operasi perkhidmatan *Uber* dan *Grab Car* secara atas talian.

"Kami di peringkat GABUNGAN ini telah berusaha pelbagai dan saya harap pemandu teksi bersabar..sampai pergi ke Putrajaya sebagai tanda solidariti sokongan pemandu teksi saman *Uber*.

"Di Pulau Pinang, saya harap berilah sokongan kuat kepada Kerajaan Negeri.

"Pakatan Harapan mesti tawan Putrajaya, apabila mereka berada di sana, senang kita nak cakap dan mereka faham kepentingan kita," jelasnya sambil mempertikai kenyataan Menteri tertentu berhubung isu



Pemandu tekси dan operator bas yang berdaftar menunjukkan insentif diterima masing-masing.

berkaitan sebelum ini.

Pemberian insentif perkhidmatan kepada pemandu teksi dilaksanakan sejak tahun 2013, sebagaimana dijanjikan pentadbiran Guan Eng dalam Manifesto Pilihan Raya Umum Ke-13 (PRU13) lalu.

TEMU BUAL KHAS:

MUHAMMAD YUSOF CHIK yang ditemui kemudian melahirkan rasa terharu apabila diberi pingat khas daripada Kerajaan Negeri.

Beliau tidak menyangka tindakannya pada bulan November tahun lalu menyerahkan wang serta beberapa barang berharga kepada penumpang tekssinya di Terminal Bas Sungai Nibong menjadi tular, hingga menggamit penghargaan daripada Kerajaan Negeri.

"Ini bukan kali pertama, sebelum ini pun kalau ada barang berharga ditinggalkan di tempat duduk penumpang tekssnya, saya akan serah kepada mereka.

"Kalau boleh, semua pemandu tekss mesti lebih jujur dan ikhlas semasa buat kerja.

"Saya yakin perkhidmatan tekss boleh bersaing, kerana *Uber* tiada insurans perlindungan kepada penumpang seperti yang wajib dijamin oleh pemandu tekss dan kita ada lesen sah.

"Perkhidmatan tekss masih ada pengguna setia atas sebab keselamatan sungguh terjejas teruk, yang nak tambang lebih murah dan tak selamat memilih *Uber*," jelasnya sambil menzahirkan penghargaan atas inisiatif Kerajaan Negeri hari ini dalam membela kepentingan pemandu tekss dan operator bas sekolah di Pulau Pinang.



MUHAMMAD Yusof Chik menunjukkan pingat khas yang disumbangkan oleh Ketua Menteri kepadanya pada Majlis Pemberian Insentif Perkhidmatan Kepada Pemandu Teksi dan Operator Bas Sekolah 2017 (Bahagian Pulau) di Dewan Sri Pinang di sini baru-baru ini.

Jln. Mt. Erskine - Jln. Lembah Permai dibuka siap dalam 4 hari daripada tempoh seminggu diberi

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**
Gambar : **LAW SUUN TING**

GEORGE TOWN - Jalan Mount Erskine - Jalan Lembah Permai (*Vale of Tempe*) yang ditutup sementara waktu sejak 13 Oktober lalu dibuka kepada umum mulai 14 Januari 2017.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng yang hadir merasmikan pembukaan semula laluan tersebut, walau bagaimanapun tidak berpuas hati kerana kerja-kerja membaiki struktur jalan yang runtuh itu mengambil masa yang lama.

"Kerajaan Negeri tidak berpuas hati kerana ia (kerja-kerja membaiki pulih) mengambil masa yang panjang dan terlalu lama, iaitu hampir tiga bulan.

"Tak seharusnya sampai tiga bulan dan sebagai sebuah kerajaan yang mendengar keluhan rakyat, baru-baru ini (10 Januari lalu) saya telah mengadakan lawatan kerja.

"Pada lawatan tersebut, pihak JKR (Jabatan Kerja Raya) bersama-sama kontraktor telah diberikan arahan untuk siap dalam tempoh seminggu.

"(Dan) hari ini, kita

merasmikan pembukaan semula jalan ini, siap dalam tempoh masa empat hari iaitu tiga hari lebih awal daripada jadual," katanya kepada pemberita dekat sini pada majlis pembukaan laluan berkaitan di sini.

Hadir sama, Exco Kerja Raya, Utiliti dan Pengangkutan, Lim Hock Seng; Exco Perancangan Bandar & Desa dan Perumahan, Jagdeep Singh Deo; Ahli Parlimen Bukit Bendera, Zairil Khir Johari dan Ahli Majlis bagi Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), Chris Lee Chun Kit.

Pengarah JKR Negeri, Ahmad Redza Ghulam serta wakil kontraktor turut serta dalam pembukaan semula laluan tersebut.

Guan Eng dalam pada itu meminta agar pihak JKR serta kontraktor berwajib yang terlibat dalam mana-mana projek membaik pulih supaya dapat memendekkan dan mematuhi tempoh siap kerja.

"Sebagaimana Kerajaan Negeri yang cakap serupa bikin, pastinya kita (Kerajaan Negeri) mahu kerja-kerja yang dilaksanakan secara teratur,

terancang dan yang paling utama mengikut tempoh masa ditetapkan.

"Sekiranya di Fukuoka, Jepun, mereka dapat membaiki jalan yang berskala besar dalam waktu singkat, takkan kita hanya satu seksyen jalan sahaja mengambil masa tiga bulan?"

"Pengarah JKR pun telah bersetuju, pada masa hadapan untuk memendekkan tempoh masa siap kerja," ujarnya.

Dalam pada itu, Guan Eng turut mengarahkan supaya memastikan kenderaan berat seperti lori muatan pasir tidak melalui laluan tersebut mulai hari ini.



LIM Hock Seng (empat dari kiri) ketika mengadakan lawatan ke kawasan kejadian pada 13 Oktober 2016.



LALUAN yang telah siap dibaiki.

"Saya telah minta YB Lim (Hock Seng) untuk memastikan kenderaan berat tidak dibenarkan melalui jalan ini.

"(Dan) meminta supaya membina palang sekatan dan papan tanda di kedua-dua penghujung laluan tersebut," jelasnya.

Difahamkan kos projek berkenaan adalah RM435,000.

Jalan Mount Erskine - Jalan Lembah Permai runtuh selepas hujan lebat tanpa henti pada 13 Oktober 2016.

Sekjak itu, jalan yang hanya dibuka satu laluan itu hanya membenarkan kenderaan ringan melaluinya.

KM nasihat Pusat tangani masalah banjir di punca

SUNGAI PINANG - Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng menasihati Kerajaan Pusat menyalurkan peruntukan berwajib supaya Kerajaan Negeri mampu menangani masalah banjir kilat di punca secara holistik.

Katanya, RM2.5 juta untuk membiayai projek Rancangan Tebakan Banjir (RTB) dan naik taraf sistem saliran S22 bagi mengatasi masalah banjir di Lorong Perak di sini adalah penyelesaian jangka pendek sahaja.

"Sekiranya masalah banjir kilat hendak diatasi secara holistik, ia mestilah diatasi secara di punca (*at source*).

"Sekiranya tidak diatasi secara di punca, penyelesaiannya adalah dalam jangka masa pendek sahaja...sekiranya tidak, wang yang dibelanjakan akan dibazirkan seperti mencurah air di atas daun keladi sahaja.

"Itulah sebabnya, kita berharap Kerajaan Persekutuan habiskan Rancangan Tebakan Banjir (RTB) di Sungai Pinang kerana mereka (Kerajaan Pusat) telahpun mempunyai rancangan untuk mengatasi masalah banjir kilat di (Lembangan) Sungai Pinang secara di punca," jelasnya yang juga Ahli Parlimen Lalulintas dan Tebakan Banjir, Chow Kon Yeow yang juga ADUN Padang Kota serta Datuk Bandar Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) Dato' Patahiyah Ismail turut berucap pada majlis tersebut.

Guan Eng berkata demikian pada



KETUA MENTERI, Chow Kon Yeow (lima dari kanan) bersama-sama barisan kepimpinan Kerajaan Negeri bergambar di tapak projek saliran S22 di Lorong Perak baru-baru ini.

Majlis Penyempurnaan Projek Kerja-kerja Tebakan Banjir dan Menaik Taraf Sistem Saliran S22 Bagi Mengatasi Masalah Banjir Di Lorong Perak di sini.

Exco Kerajaan Tempatan & Pengurusan Lalulintas dan Tebakan Banjir, Chow Kon Yeow yang juga ADUN Padang Kota serta Datuk Bandar Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) Dato' Patahiyah Ismail turut berucap pada majlis tersebut.

Hadir sama, Exco Kerja Raya, Pengangkutan dan Utiliti, Lim Hock Seng yang juga ADUN Bagan Jermal; Danny Law Heng Kiang (Exco Pembangunan Pelancongan merangkap ADUN Batu Lancang); Lim Siew Khim (ADUN Sungai Pinang) dan Jeff Ooi Chuan Aun (Ahli Parlimen Jelutong).

Guan Eng dalam pada itu menjelaskan bahawa Kerajaan Pusat pada November

tahun lalu meluluskan RM150 juta sahaja untuk pelaksanaan projek RTB Sungai Pinang, sungguhpun kos asal dianggarkan berjumlah RM350 juta.

Walhal, menurut beliau, pentadbirannya ketika itu meluluskan peruntukan terbesar dalam sejarah penubuhan Kerajaan Negeri, sejumlah RM220 juta untuk menangani isu banjir kilat di Pulau Pinang.

Itu, tambah Guan Eng, tidak termasuk peruntukan Kerajaan Negeri bagi tahun 2017 kepada Jabatan Pengairan dan Alam Sekitar yang berjumlah RM150 juta untuk sembilan projek RTB.

Daripada angka RM150 juta itu, beliau menjelaskan RM12.6 juta untuk projek RTB Sungai Permatang Rawa; RTB Padang Lalang/Kampung Permatang Rawa (RM19.1 juta); RTB Bukit Tengah (RM19 juta); RTB Taman Mangga Jalan Juru (RM11.5 juta); RTB Alma (RM9.6 juta); RTB Mak Mandin (RM40 juta); RTB Sungai Relau (20.1 juta); RTB Taman Iping (RM13.6 juta) dan RTB Kampung Naran (RM4.5 juta).

"Kami percaya projek-projek RM220 juta dan projek Kerajaan Persekutuan RTB Sungai Pinang sebanyak RM350 juta selepas ia siap nanti akan memberi impak yang besar dalam usaha Kerajaan Negeri untuk mengatasi masalah banjir seluruh negeri," ujar beliau.

Pusat diseru segera jalankan pembenihan awan utara Semenanjung

Oleh : WATAWA NATAF
ZULKIFLI

GEORGE TOWN - Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang Sdn. Bhd. (PBAPP), Dato' Ir. Jaseni Maidinsa memohon supaya Kerajaan Pusat menjalankan proses pembenihan awan di utara semenanjung.

Katanya , sekarang merupakan waktu yang sesuai untuk menjalankan inisiatif pembenihan awan kerana jumlah taburan awan yang banyak.

"Pembenihan awan perlu segera dilakukan bagi menjamin kapasiti efektif Empangan Beris dan Empangan Muda di Kedah. Kedua-dua empangan ini merupakan sumber utama bagi Sungai Muda yang mana airnya diekstrak bagi memenuhi permintaan selatan Kedah dan Pulau Pinang.

"Kerajaan Negeri Kedah serta Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) juga perlu mengawal pelepasan air empangan di

Kedah supaya tidak menjelaskan pengeluaran padi dan seterusnya mampu bertahan sehingga musim kering kini dan dijangka tamat pada April 2017," ujarnya pada majlis sidang media di sini 19 Januari lalu.

Bagi rekod tahun lepas, Empangan Beris pada 7 Mei 2016 mencatatkan bacaan kapsiti kritis 24.9 peratus dan Empangan Muda, 14.2 peratus pada 2 Ogos 2016.

Memetik laporan media bertarikh 15 Januari lalu, Jaseni memaklumkan bahawa Exco Perumahan dan Kerajaan Tempatan dan Bekalan Air, Sumber Air dan Tenaga Kerajaan Negeri Kedah, Datuk Badrol Hisham Hashim turut menyatakan bahawa pihaknya juga telah memohon Kerajaan Pusat membantu dalam proses pembenihan awan bagi menjamin penanaman padi di musim akan datang.

"Kita menyatakan sokongan kepada Kerajaan Negeri Kedah dalam memastikan bekalan air cukup untuk mengelakkan krisis air, menampung keperluan lebih



IR. Jaseni Maidinsa.

empat juta pengguna serta pihak industri khususnya di negeri Perlis, Kedah dan Pulau Pinang," jelasnya.

Kesempatan sama, Jaseni turut menyatakan bahawa dua empangan utama di bahagian pulau berada pada tahap baik iaitu, Empangan Air Itam, 98.1 peratus dan Empangan Teluk Bahang, 100 peratus.

Bacaan kedua-dua empangan tersebut diambil pada 18 Januari lalu.



RAKAMAN udara Empangan Teluk Bahang pada 18 Januari lalu. (Gambar ihsan PBAPP).

45,000 hektar hutan Kelantan dibersihkan, kenapa tiada liputan media meluas seperti Pulau Pinang, soal Guan Eng

GEORGE TOWN – Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng mempersoalkan ketelusan media tempatan yang bertindak 'sepi' terhadap isu lebih 45,000 hektar kawasan hutan di Kelantan yang dibersihkan dan dibalak kebelakangan ini, berbanding isu 16 pokok yang dipindah tanam di Jalan Masjid Negeri di sini tahun lalu.

Memetik laporan akhbar Sinar Harian bertarikh 16 Januari 2017, Guan Eng berkata, sebanyak 200,000 hektar hutan telah dibersihkan di bawah perladangan hutan di Kelantan sejak 15 tahun lalu.

"Kawasan hutan yang ditebas ini seharusnya ditanam semula, namun ini tidak berlaku.

"Menurut Jabatan Perhutanan Kelantan, sehingga kini, hanya kira-kira 10,000 hektar ladang hutan yang telah ditebas dan dibalak ditanam semula. Ini adalah jumlah yang begitu kecil.

"Tanah adalah di bawah bidang kuasa Kerajaan Negeri, sungguhpun kena melalui Jabatan Perhutanan. Tetapi, sekiranya Kerajaan Negeri nak klasifikasi hutan sebagai ladang, dia boleh berbuat demikian," ujarnya yang juga Exco Hal Ehwal Tanah & Pembangunan Tanah, Penerangan, Kebudayaan dan Kesenian, Warisan

dan Hal Ehwal Bukan Islam.

Beliau berkata demikian pada majlis sidang media selepas Majlis Pembukaan Rasmi Bangunan Pejabat Baharu Jabatan Landskap dan Jabatan Khidmat Kemasyarakatan di Taman Bandaraya di sini 17 Januari lalu.

Memetik laporan tersebut, kira-kira 2,000 hektar tanah dikeluarkan setiap tahun oleh Kerajaan Kelantan melalui lesen pembalakan di bawah Akta Perhutanan Negara dan sehingga kini, sejumlah 199,000 hektar hutan di Kelantan telah diklasifikasi dan diluluskan sebagai ladang hutan.

Mengulas lanjut, Guan Eng memberitahu, kini lebih 200,000 hektar di Kelantan terancam.

"Jumlah keluasan ini, jika dilihat begitu besar jika nak dibandingkan dengan 16 pokok yang isunya disensasikan dengan liputan begitu meluas.

"Namun, apa yang kita hairan, mengapa itu tidak diberi liputan media meluas?

"Jelas, ia menunjukkan satu tindakan hasad dengan motif untuk burukkan nama dan imej Pulau Pinang yang baik kerana kita (Pulau Pinang) sememangnya dikenali di seluruh dunia sebagai sebuah negeri hijau," jelas beliau.

SIRI 1 ISKAN JAUH

NASIONAL

Banjir berlaku kerana manusia

Kekurangan pernambahan ekonomi berlakunya buatan kerugian terhad memperburuk Kelantan. Kebutuhan masyarakat mengalami meningkat jauh menyumbang kepada krisis. Tuar, muaka guna cat-paling mudah dan polig empat jiran mendekati daerah keunguan berlakunya kerugian negri halu dengan pembalakan.

Sejak 90'an, aktiviti pembalakan di Kelantan telah berlebihan. Di atas itu, pembalakan seluruh hutan di sejagat diakibatkan sistem pembalakan yang tidak bertanggungjawab. Namun, kerajaan Persekutuan telah mengurangkan keberbalungan ini lewat \pm 40,000 hektar hutan buatan di Kelantan. Selain itu, kerajaan juga berusaha kawas hampir sejajar diai greda hutan Kuala Lumpur. Kawasan hutan yang telah dibersihkan kelarutan turun dari 100% kepada \pm 90%. Dua kawasan yang masih tinggi di negeri ini adalah Gunung Raya dan Taman Negara. Malah diai kawasan hutan yang seluruhnya masih tersisa di Kelantan sekitar 15,000 ha.

Rengganis hutan meraka makmur

Diatas Akta Perhutanan Negara 1964, bagi sebahagian pembalakan adalah wajib pokok yang akan dilakukan oleh ahli kewujudan. Dan pokok-pokok yang diberi dikenakan undang-undang adalah pokok-pokok yang masih bersifat hidup secara total. Rengganis, merupakan penggalan kepada pokok-pokok yang masih bersifat hidup yang boleh diolah untuk mendapat hasil dan saluran pokok bagi kegunaan teknikal.

Adalah lebih mudah dan lebih cepat bagi pembaik dan pembalakan seluruh kawasan hutan di Kelantan. Ia diambil sebahagian besar sekitar 90% hutan di Kelantan. Untuk mendapatkan hasil pokok, ia diambil hidang hutan terhadap taman dan hutan yang tidak berlakunya kawasan hutan yang masih bersifat hidup atau tidak diolah.

Lesen pembalakan di Kelantan, di antaranya terdiri daripada hutan di Palang Jing, alih ogeget terdiri daripada hutan di Semananggup. Ahli kewujudan yang biasa dilaksanakan di Palang Jing sekitar 100 ha dan di Semananggup sekitar 100 ha. Enam hektar di Palang Jing setiap tahun dan di Semananggup sekitar 10 ha. Keadaan hutan di Palang Jing setiap tahunnya berubah, tetapi ia masih bersifat hidup.

Hutan yang diambil di Palang Jing sebahagian besar merengganis. Pendekatannya pun selaras dengan pendekatannya di Semananggup. Pendekatannya di Palang Jing, ia diambil sebahagian besar untuk mendapat hasil pokok yang masih bersifat hidup, iaitu pokok-pokok yang masih bersifat hidup dan bukan merengganis.

Untuk mendapat hasil pokok yang masih bersifat hidup, ia diambil sebahagian besar untuk mendapat hasil pokok yang masih bersifat hidup dan bukan merengganis.

Kesimpungan Siri 2 esok

Kesimpungan Siri 2 esok: tuju dan potensi yang menguntungkan pembersihan hutan dan hutan yang segera berkembang.

Penulis telah berperangalaman menggarungi banjar di Kelantan sejak tahun 70-an. Bellu adalah presiden Sekolah Kewajipan Malaysia yang telah membuat usaha banyak hutan yang diambil di Kelantan dalam beberapa tahun ini termasuk usaha mengelihupkan kawasan hutan ramai yang masih aktif berjaya. Beliau merupakan kelulusan ijazah sarjanis dari universiti swasta dalam bidang politik, ekonomi dan undang-undang dari Universiti Harvard.

Kompleks Sukan Bandaraya Relau, janji ditepati kata dikotai – Guan Eng

Oleh : NORSHAHIDA YUSOFF
Gambar : DARWINA MOHD. DAUD

PAYA TERUBONG – Kompleks Sukan Bandaraya Relau di sini dijangka dibuka kepada orang ramai pada pertengahan Februari ini, kata Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng.

Menurut beliau, kompleks bernilai RM21 juta dibiayai Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) itu kini secara umumnya telah siap mengikut tempoh yang dijadualkan iaitu 20 bulan.

“(Kompleks) ini merupakan satu lagi projek untuk rakyat yang akan memberikan manfaat kepada semua.

“Kerajaan Negeri nak galakkan lebih ramai orang untuk bersenam supaya hasrat menjadikan Pulau Pinang sebuah negeri yang sihat akan tercapai,” ujarnya pada lawatan beliau ke tapak projek berkaitan di sini 19 Januari lalu.

Hadir sama, Datuk Bandar Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), Dato' Patahiyah Ismail, Yeoh Soon Hin (Ahli Dewan Undangan Negeri, ADUN Paya Terubong), Ar.



REKA bentuk kolam renang di Kompleks Sukan Bandaraya Relau yang mengikut piawaian Olimpik.

Yew Tung Seang (Setiausaha Bandaraya MBPP) dan Ar. Loh Mei Ee (arkitek MBPP).

Guan Eng memberitahu, penyiapan projek tersebut dalam tempoh yang ditetapkan membuktikan komitmen Kerajaan Negeri Pakatan Harapan dalam menunaikan janji kepada rakyat.

“Janji ditepati, kata dikotai.

“Yang penting kita (Kerajaan Negeri) telah mengotai janji yang dibuat pada Pilihan Raya Kecil Bukit Gelugor lalu, yang mana sebuah

kompleks sukan akan dibina di sini,” ujarnya.

Dalam pada itu, menyentuh mengenai reka bentuk kompleks bertaraf antarabangsa berkenaan, Guan Eng menyatakan bahawa ianya direka bentuk secara *in-house* oleh arkitek MBPP.

“Reka bentuk ini dibuat secara *in-house* oleh arkitek MBPP iaitu Tung Seang dan Mei



BARISAN kepimpinan Kerajaan Negeri turut melawat gelanggang badminton di sini pada lawatan kerja 19 Januari lalu.

Ee.

“Kolam renang dan gelanggang badminton di sini adalah mengikut piawaian sukan Olimpik. Maka, ini cukup membuktikan bahawa Kerajaan Negeri mempunyai kakinan berkebolehan dan bertaraf antarabangsa juga,” ujarnya.

Exco sangkal dakwaan KN gagal bina RMM di Balik Pulau

BAYAN LEPAS – Sejumlah 3,171 unit perumahan mampu milik (RMM) Kos Rendah atau kini dikenali Jenis A dan 118 unit Kos Sederhana Rendah (Jenis B) telah dibina di kawasan Balik Pulau sejak 2008, sekaligus menyangkal dakwaan Timbalan Menteri Kesihatan yang juga Ahli Parlimen Balik Pulau, Datuk Seri Hilmi Yahaya bahawa Kerajaan Negeri gagal membina RMM di kawasan berkaitan baru-baru ini.

Exco Perancangan Bandar & Desa dan Perumahan, Jagdeep Singh Deo berkata, dakwaan tersebut bukan sahaja tidak benar, malah sejumlah 3,275 unit RMM Jenis A dan B telah dibina di kawasan Balik Pulau semenjak Kerajaan Negeri Pakatan Harapan (PH) mengambil alih tumpuk pemerintahan negeri pada tahun 2008.

“Malah, untuk memastikan pemohon di Balik Pulau memiliki tawaran unit-unit Jenis A dan B di kawasan (Balik Pulau) tersebut, satu senarai khas pemohon di Daerah Barat Daya telah diwujudkan,” ujarnya pada Majlis Penyerahan Kunci RMM Idaman Selasih di Sungai Ara di sini baru-baru ini.

Pada majlis berkaitan, sejumlah 856 pemilik Idaman Selasih menerima kunci kediaman masing-masing.

Projek RMM Idaman Selasih mula dibina pada 2015 dan siap sepenuhnya pada tahun lalu (2016), yang mana Perakuan Siap dan Pematuhan (CCC) telah dikeluarkan pada 24 November 2016.

Menurut Jagdeep, dari tahun 2008 sehingga 2016, Kerajaan Negeri telah membina sejumlah 11,487 RMM Jenis A dan 9,400 (Jenis B), menjadikan jumlah keseluruhannya 20,887 unit RMM di Pulau Pinang telah dibina.

“Perlu diingatkan bahawa angka (20,887 unit)



JAGDEEP Singh Deo (depan, tengah) bergambar kenangan bersama-sama sebahagian pemilik unit projek perumahan Idaman Selasih pada majlis penyerahan kuncinya di sini baru-baru ini.

ini merupakan peningkatan empat kali ganda daripada bilangan unit RMM Jenis A dan B yang dibina oleh Kerajaan Barisan Nasional (BN) dalam tempoh sama sebelum 2008 (dari tahun 2001 hingga 2007).

“Dalam tempoh tersebut, hanya 4,355 unit jenis A dan 769 unit Jenis B dibina oleh mereka,” tegasnya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Datuk Keramat.

Mengulas lanjut, Jagdeep memberitahu, sejak 2013, Jawatankuasa Penambahbaikan Proses Pemilihan (SPEC) telah memilih 17,117 pemohon Jenis A dan 6,410 pemohon (Jenis B) untuk ditawarkan unit RMM berkenaan.

“Selain itu, kita (Kerajaan Negeri) juga dari tahun 2008 telah meluluskan 110 permohonan membelikan 16,401 unit RMM Jenis A dan 12,820 (Jenis B) untuk dibina.

“Adalah menjadi komitmen Kerajaan Negeri untuk memastikan RMM disediakan di setiap daerah di Pulau Pinang,” ujar beliau.

Nak berjaya, KM nasihat pelajar mesti rajin, bersih dan berani

RAJIN, BERSIH, BERANI... Seramai 660 pelajar kurang mampu dari 22 sekolah sekitar Parlimen Bagan masing-masing menerima bantuan persekolahan RM100 daripada Ketua Menteri, Y.A.B Tuan Lim Guan Eng selaku Ahli Parlimen kawasan tersebut baru-baru ini.

Dalam ucapan beliau, katanya, tiada jalan mudah dan singkat untuk mencapai kejayaan dan keluar daripada kepompong kemiskinan.

“Untuk berjaya dalam hidup, para pelajar perlulah rajin, bersih dan berani... tiga elemen ini akan menjadikan anda insan yang berjaya dan sama-sama mencapai kemajuan di negeri Pulau Pinang ini,” ucapnya pada pengajuran Program Bantuan Pelajar Miskin Sekolah-sekolah Rendah dan Menengah Bagi Kawasan Parlimen Bagan di sini.

Mengulas lanjut, Guan Eng turut menekankan bahawa Kerajaan Negeri tidak pernah lupa kepada golongan kurang berkemampuan di negeri ini dengan menyediakan inisiatif mewujudkan pelbagai program-program kebajikan demi kepentingan bersama.

Hadir sama, Exco Kebajikan, Masyarakat Penyang dan Alam Sekitar, Phee Boon Poh; Exco Kerja Raya, Utiliti dan Pengangkutan, Lim Hock Seng, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Bagan Dalam, A. Tanasekharan dan barisan kepimpinan Kerajaan Negeri lain.



KETUA Menteri bergambar kenangan dengan Amirah Syafina Khairul Nizam iaitu pelajar yang berjaya menjawab soalan Matematik dikemukakan beliau pada Program Bantuan Pelajar Kurang Berkemampuan Sekolah-sekolah Rendah dan Menengah Bagi Kawasan Parlimen Bagan di sini baru-baru ini.

RM954,000 selenggara, naik taraf 2 blok PPA Padang Tembak

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**
 Gambar : **VICTOR SEOW KOO TATT**

GEORGE TOWN – Dua blok iaitu Blok E dan Blok J Projek Perumahan Awam (PPA) Padang Tembak dekat Air Itam bakal diselenggara dan dinaik taraf bermula Februari ini dengan peruntukan bernilai RM954,000.

Exco Perancangan Bandar & Desa dan Perumahan, Jagdeep Singh Deo berkata, Kerajaan Negeri bersetuju untuk melaksanakan kerja-kerja menyelenggara dan telah melantik sebuah syarikat untuk menjalankan kerja-kerja berkaitan.

“Memandangkan ia (PPA Padang Tembak) merupakan projek lama yang dibina pada 1969, kerja-kerja pemantauan sememangnya dilakukan secara berjadual di sini.

“(Dan) melalui pemantauan tersebut, pihak Bahagian Perumahan Negeri mendapati dua daripada sembilan blok yang terdapat di sini memerlukan kerja-kerja penyelenggaraan memandangkan struktur lamanya telah mengalami keretakan.

“Lantaran itu, Kerajaan Negeri bersetuju membayai kos

penyelenggaraan berjumlah RM954,000, dan ia (kerja-kerja penyelenggaraan) dijangkakan mengambil tempoh lima bulan untuk disempurnakan,” ujarnya kepada pemberita sejurus mengadakan lawatan di sini baru-baru ini.

Turut sama, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Kebun Bunga, Cheah Kah Peng, Ahli Parlimen Bukit Bendera, Zairil Khir Johari, Penggerusi Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Komuniti (JKKK) Padang Tembak, Loh Eng Kim serta wakil-wakil Bahagian Perumahan Negeri.

Mengulas lanjut, **Jagdeep memberitahu, sejak 2010 sehingga 2016, Kerajaan Negeri melalui Bahagian Perumahan Negeri telah membelanjakan sejumlah RM27,817,538.28 bagi membayai kos penyelenggaraan di tujuh projek perumahan awam di negeri ini, termasuk PPA Padang Tembak sebelum ini yang berjumlah RM5.56 juta.**

“Pihak Kerajaan Negeri akan terus menjanjikan kerja-kerja penyelenggaraan terutama projek-projek perumahan di bawah seliaan kami (Kerajaan Negeri),” ujarnya.



JAGDEEP Singh Deo (tiga dari kiri) ditemani Zairil Khir Johari (dua dari kiri) dan Cheah Kah Peng (empat dari kanan) meninjau keadaan di salah sebuah blok PPA Padang Tembak pada lawatan mereka di sini baru-baru ini.

AED di Kompleks Sukan Badminton Bukit Dumbar, hadapi sebarang situasi kecemasan

BATU LANCANG – Kompleks dan pusat sukan adalah digalakkan untuk memiliki sebuah unit peralatan Difibrilator Luaran Automatik (AED) sebagai persediaan menghadapi sebarang situasi kecemasan tidak diduga berkait serangan kardiovaskular (jantung).

Perkara tersebut dinyatakan Exco Pertanian dan Industri Asas Tani, Pembangunan Desa dan Kesihatan, Dr. Afif Bahardin pada Majlis Penyampaian AED oleh Lions Club dekat Kompleks Badminton Bukit Dumbar di sini baru-baru ini.

“Di negara-negara maju, AED banyak ditempatkan di lokasi-lokasi awam dan riadah sebagai langkah berjaga-jaga bagi menyelamatkan mangsa-mangsa serangan

jantung yang boleh berlaku pada bila-bila masa.

“Penggunaan AED adalah sangat mudah, sekiranya anda merasakan memandu kereta itu mudah, cara menggunakan AED adalah lebih mudah daripada itu,” jelasnya pada majlis berkaitan.

Hadir sama, Penggerusi Wilayah I Lions Club, Jimmy Ong; Gabenor Daerah Lions Club, Jeniffer Kim; Penggerusi Peringkat Zon Lions Club, Rayson Khoo dan ahli-ahli Lions Club Pulau Pinang.

Afif dalam pada itu turut memuji Lions Club Pulau Pinang yang sudi menyumbangkan satu unit AED untuk ditempatkan di sini.

Dalam pada itu, Jimmy memaklumkan,



DR. Afif Bahardin (dua dari kiri) meneliti unit AED sambil diperhatikan Jimmy Ong (dua dari kanan) dan Jeniffer Kim (kanan sekali) pada majlis sumbangan unit berkaitan dekat Kompleks Badminton Bukit Dumbar di sini baru-baru ini.

PROGRAM SARINGAN MAMMOGRAM PERCUMA KERAJAAN NEGERI PULAU PINANG

MAMMO PENANG

Untuk wanita berumur 35 ke atas*

*Sila berdaftar di Pusat Khidmat ADUN atau Penyelaras KADUN berdekatan anda

1 dalam setiap 20 wanita di Malaysia mempunyai risiko untuk mendapat kanser payudara dalam hayat kehidupan mereka ini bersamaan dengan 700,000 orang!

PENANG sihat PWDC Pink BY HEALTHCARE GROUP

pihaknya dengan kerjasama Hospital Pulau Pinang (HPP) juga giat menjalankan program kesedaran dan cara penggunaan AED dalam kalangan orang awam. “Ini sedikit sebanyak mampu membantu orang awam menghadapi situasi-situasi tidak terduga,” jelasnya.

Bantuan pukat tidak pinggir kawasan pembangkang

Oleh : **YAP LEE YING**
Gambar : **IDZHAM AHMAD**

TELUK BAHANG – Kerajaan Negeri Pakatan Harapan (PH) tidak pernah meminggirkan Kawasan-kawasan Dewan Undangan Negeri (KADUN) dimenangi pihak parti lain termasuk dalam pelaksanaan program-program Emas demi kebaikan rakyat Pulau Pinang.

Pegawai Penyelaras KADUN (PPK) Teluk Bahang, Halil Sabri Hamid menyatakan sedemikian pada Majlis Penyampaian Bantuan Pukat Sesi Ke-2/2016 Kerajaan Negeri Kepada Nelayan KADUN Teluk Bahang di sini baru-baru ini.

Menurutnya, sumbangan pukat dua tahun sekali kepada nelayan-nelayan berdaftar Pulau Pinang merupakan salah satu produk 'emas'

Kerajaan Negeri selain Program Warga Emas, Ibu Emas, Pelajar Emas dan lain-lain.

"Kita (Kerajaan Negeri Pakatan Harapan) membantu tanpa mengira latar belakang termasuk (latar belakang) politik."

"Justeru, diharap sumbangan yang diberikan pada ketika menjelang sambutan Tahun Baru Cina dapat meningkatkan pendapatan para nelayan berkaitan pada musim perayaan ini," katanya pada majlis berkaitan.

Hadir menyempurnakan majlis membabitkan 151 nelayan berkaitan, Timbalan Yang di-Pertua Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP), Dato' Abdul Halim Hussain.

Turut hadir, Pengurus serta Setiausaha Jawatankuasa dan Keselamatan Komuniti (JKKK) Teluk Bahang dan Briged Wanita Teluk Bahang.



ABDUL Halim Hussain (berbaju batik) sambil diiringi Halil Sabri Hamid (barisan hadapan, dua dari kanan) menyerahkan sumbangan bantuan pukat kepada salah seorang penerima pada Majlis Penyampaian Bantuan Pukat Sesi Ke-2/2016 Kerajaan Negeri Kepada Nelayan KADUN Teluk Bahang di sini baru-baru ini.

REAKSI NELAYAN:



ISHAK Hassan.

Bagi **ISHAK HASSAN**, 55, yang telah 30 tahun bergelar nelayan amat berterima kasih kepada Kerajaan Negeri atas sumbangan pukat berkaitan.

"Pemberian pukat ini membuatkan pakcik lebih bersemangat untuk turun ke laut dan juga dapat meringankan beban kami sebagai nelayan."

"Ini kerana, pukat udang hanya dapat tahan dalam tempoh enam bulan sahaja. Dapat yang baru, boleh terus ganti yang rosak," katanya yang telah dua kali menerima bantuan sumbangan berkenaan.



ISMAIL Moh Nayan.

ISMAIL MOH NAYAN, 63, bersyukur dengan pemberian tersebut.

"Alhamdulillah dan terima kasih kepada Kerajaan Negeri atas pemberian pukat ini, kerana sebelum ini tak pernah dapat pun."

"Pemberian ini adalah terus kepada nelayan dan tidak melalui unit nelayan, jadi barang yang diterima memang sampai elok."

"Saya berharap program seperti ini dapat diteruskan serta ada tambahan alatan lain memandangkan kos sara hidup yang tinggi sekarang ni," ujarnya yang telah lapan tahun bergelar nelayan selepas bersara kerja kontrak.



LIM Thye Huat.

LIM THYE HUAT, 65 tahun, yang telah 45 tahun bergelar nelayan menyatakan bahawa Kerajaan Negeri kini banyak menolong golongan nelayan di negeri ini.

"Terima kasih Kerajaan Negeri, sudah tiga kali saya dapat bantuan pukat. Kerajaan Negeri banyak tolong, banyak bagus."

"Guan Eng (Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng)

banyak bagus, Halil (Halil Sabri) banyak bagus, Dato' (Abdul Halim) banyak bagus.... harap ia berterusan," katanya sambil tersenyum.



MAT DIN Mat Isa.



THOR Kang Eng.

Penerima kali ketujuh, **MAT DIN MAT ISA**, 70, dan **THOR KANG ENG**, 57, berharap sumbangan berkaitan dapat diteruskan dengan tambahan peralatan-peralatan lain.

"Banyak-banyak terima kasih kepada Kerajaan Negeri kerana membantu rakyat tanpa mengira fahaman politik," ujar mereka.

Pemaju diseru adakan kempen kesedaran pemilikan RMM

GEORGE TOWN – Pihak pemaju diseru mengambil inisiatif mengadakan kempen kesedaran berhubung pemilikan rumah mampu milik (RMM) kepada masyarakat umum.

Seruan tersebut dinyatakan Exco Perancang Bandar & Desa dan Perumahan, Jagdeep Singh Deo pada Majlis Kempen Kesedaran Pembeli RMM anjuran pemaju, M Summit Group Sdn. Bhd. (M Summit Group) di sini baru-baru ini.

Katanya, usaha tersebut adalah amat penting bagi membolehkan bakal pembeli memahami hak serta tanggungjawab masing-masing, terutama apabila membabitkan hal-hal jawatankuasa pengurusan (MC) dan badan pengurusan bersama (JMB).

"Saya ingin mencadangkan supaya pemaju lain juga dapat mencontohi M Summit Group yang mengambil inisiatif mengadakan kempen sedemikian bagi meningkatkan pemahaman pembeli mengenai hartaan rumah mampu milik (RMM) dan skim-skim berkaitan."

"Kesedaran ini adalah penting kerana kegagalan pembeli mengetahui hak masing-masing bakal menyumbang kepada masalah berhubung pengurusan, kejiran dan kehidupan sosial pada masa depan," katanya pada majlis tersebut.

Hadir sama, Pengarah Urusan M Summit Group, Datuk Albert Moh.

Mengulas lanjut, Jagdeep memberitahu, rata-rata pembeli RMM adalah pembeli rumah

kali pertama dan golongan terabit perlu memahami polisi dan dasar-dasar tersebut.

Malah, tambah beliau, RMM juga dilihat satu peluang yang baik untuk seseorang memiliki hartaan, kerana kadar kelulusan pinjaman oleh pihak bank adalah lebih tinggi.

"Sehingga akhir 2016, daripada 10,275 pemohonan yang menjalani saringan pemilihan Jawatankuasa Peningkatan Proses Pemilihan (SPEC), seramai 8,295 penerima telah menerima tawaran untuk membeli unit rumah mampu milik (RMM) di Pulau Pinang," jelasnya.

Mengulas lanjut, Jagdeep yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Datuk Keramat turut memandang positif penglibatan Ketua Pembangkang Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang, Datuk Jahara Hamid untuk bersama-sama Kerajaan Negeri 'mencari' penyelesaian berhubung isu-isu perumahan di negeri ini.

"Ini satu sejarah dalam negara apabila Ketua Pembangkang bersetuju mengemukakan usul bersama-sama Kerajaan Negeri berhubung isu kelulusan pihak bank membabitkan pemohon rumah kos rendah (RKR) dan sederhana rendah (RKS).

"Salain itu, usul tersebut juga berkisarkan tentang RKR dan RKS yang disewa kepada warga asing," ujarnya.

M Summit Group merupakan pemaju bagi projek RMM Ramah Pavilion di Teluk Kumbar yang dijangka boleh diduduki Februari 2018.

ADUN taja & harap tradisi sambutan Ponggal diteruskan



Gambar : ALISSALA THIAN

TRADISI PONGGAL DITERUSKAN... Exco Perancangan Bandar & Desa dan Perumahan, Jagdeep Singh Deo baru-baru ini menaja pengajuran sambutan perayaan Ponggal yang diadakan di Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT) Ramakrishna Ashrama di sini.

Beliau yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Datuk Keramat berharap dengan penajaan

berkaitan, sambutan perayaan tradisi sebegitu dapat diteruskan dan dijadikan sebagai sambutan tahunan.

Pada sambutan anjuran bersama Persatuan Hindudarma Mamandram Cawangan Pulau Pinang tersebut, upacara memasak nasi ponggal dengan menggunakan susu, beras, kismis, gajus dan minyak sapi dijalankan dengan penuh tradisi.

Hadir sama, Pengurus Persatuan Hindudarma Mamandram Cawangan Pulau Pinang, N. Tharmasigamani.

TRADISI memasak nasi ponggal oleh golongan wanita.



JAGDEEP Singh Deo (tiga dari kiri) sambil diperhatikan N. Tharmasigamani (kanan sekali) memasak nasi ponggal pada majlis sambutan perayaannya di SJKT Ramakrishna Ashrama di sini baru-baru ini.

**PENGALAMAN YANG MENAKJUBKAN
EKSKLUSIF @ BATU FERRINGHI**

ferringhi
RESIDENCE
penang

**5% Diskaun
Untuk Bumiputera**

Kepadatan Rendah: 10 Unit Setiap Blok | Berdekatan Dengan Kemudahan Antarabangsa | Hak Milik Kekal

Uptrend Housing Sdn. Bhd. (918195-D)
(A wholly-owned subsidiary of Mah Sing Group Berhad)
No.1, Southbay City, Jalan Permatang Damar Laut, 11960 Bayan Lepas, Penang, Malaysia.

www.ferringhi-residence.com.my

Tel: 04-291 3109

MAH SING GROUP
A Premier Lifestyle Developer

Ikhwan bangga bina arca pasir 'Tahun Ayam' buat KM

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**
 Gambar : **AHMAD ADIL MUHAMAD**

GEORGE TOWN - Seorang anak Melayu Pulau Pinang melahirkan rasa bangga kerana hasratnya membina arca pasir berbentuk ayam sempena sambutan Tahun Baru Cina 2017 kepada Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng tercapai.

'Ikhwan Saloot' atau nama sebenarnya Mohamad Ikhwan Ibrahim, 27, memberitahu bahawa arca pasir tersebut dibuat dengan rela hati serta merupakan hasil tangan terbaiknya setakat ini.

"Sebenarnya saya nak beri ini

(arca pasir) kepada Ketua Menteri kita, iaitu sesuatu yang istimewa sempena Tahun Ayam ini.

"Inilah hasil tangan yang besar yang saya boleh, jika nak buat besar lagi, saya memerlukan pasukan.

"Sasaran saya, untuk menyertai Festival George Town (GTF) pada tahun ini," jelasnya dalam sidang media bersama-sama Guan Eng di Lobi Pejabat Ketua Menteri, Tingkat 28 Komtar di sini baru-baru ini.

Menurut Mohamad Ikhwan yang merupakan pelajar sarjana bidang landskap di Universiti Sains Malaysia (USM), beliau belajar membina arca secara sendiri melalui internet sejak tahun 2012, dan kini hasil tangannya

mula komersial di Kuala Lumpur, Johor, Sarawak dan negeri ini juga.

Guan Eng pada kesempatan sama memuji keikhlasan Mohamad Ikhwan kerana menghasilkan arca pasir yang begitu cantik atas semangat Malaysia yang hakiki.

"Ini menunjukkan bahawa perayaan Tahun Baru Cina dikongsi bersama, dan menunjukkan keharmonian dan muhibah sebenar di negeri Pulau Pinang sehingga seorang yang bukan (berbangsa) Cina rela datang untuk meraikan Tahun Baru Cina dengan kawan-kawan Cina dengan membuat sebuah arca ayam, hadiah kepada saya sebagai Ketua Menteri," ujarnya.

Pada majlis itu, Guan Eng turut menyerahkan ang pau kepada Mohamad Ikhwan Ibrahim atas keikhlasan beliau menghasilkan arca pasir istimewa sempena sambutan Tahun Baru Cina di lobi Pejabat Ketua Menteri di sini baru-baru ini.



KETUA Menteri menyerahkan ang pau kepada Mohamad Ikhwan Ibrahim atas keikhlasan beliau menghasilkan arca pasir istimewa sempena sambutan Tahun Baru Cina di lobi Pejabat Ketua Menteri di sini baru-baru ini.

Mohamad Ikhwan, sebagai tanda tulus atas keikhlasan hati anak muda berkaitan menghasilkan arca pasir istimewa itu.

Kursus Induksi PBT mantapkan gerak kerja Ahli Majlis, Ketua Jabatan



CHOW Kon Yeow (tengah) diapit Patahiyah Ismail (hadapan, bertudung merah jambu) dan Maimunah Mohd. Sharif (hadapan, bertudung merah) merakam gambar kenangan bersama-sama Ahli-ahli Majlis dan Ketua-ketua Jabatan MBPP dan MPSP pada pengajuran Kursus Induksi PBT di Gunung Jerai, Kedah baru-baru ini.

Gambar : BKTPSUK

PEMANTAPAN GERAK KERJA... Kursus Induksi Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) anjuran Bahagian Kerajaan Tempatan, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang (BKTPSUK) membabitkan Ahli-ahli Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) dan Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) yang berlangsung selama tiga hari di The Regency Gunung Jerai, Gurun, Kedah baru-baru ini antara lain bertujuan untuk memantapkan gerak kerja dari segi penyampaian perkhidmatan kepada pelanggan, khususnya.

Disempurnakan Exco Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalulintas dan Tebatan Banjir, Chow Kon Yeow, kursus tersebut turut dihadiri Datuk Bandar MBPP, Dato' Patahiyah Ismail dan Yang di-Pertua MPSP, Dato' Maimunah Mohd. Sharif.

Antara pengisian kursus termasuk, penetapan penunjuk prestasi utama (KPI), perkongsian pengalaman serta cabaran dilalui sepanjang 2016, pemantapan budaya kerja cemerlang dan kendiri serta pengukuhan kepimpinan.

Selain itu, mantan Setiausaha Bandaraya MBPP, Dato' Ir. Ang Aing Thye dan mantan Pengarah Jabatan Perancang Bandar MPSP, Ahmad Fuad Hashim yang bersara wajib baru-baru ini, turut diraikan dalam Majlis Jasamu Dikenang.

KM terima kunjungan hormat Ketua Polis P. Pinang baharu

KUNJUNGAN HORMAT...

Ketua Polis Pulau Pinang baharu dilantik, Datuk Wira Chuah Ghee Lye mengadakan kunjungan rasmi terhadap Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng di pejabatnya di sini baru-baru ini.

Exco Kerja Raya, Utiliti dan Pengangkutan, Lim Hock Seng dan Phee Boon Poh (Exco Kebajikan, Masyarakat Penyayang dan Alam Sekitar) turut hadir menyambut delegasi berkenaan.

Ghee Lye merupakan Timbalan Pengarah Pencegahan Jenayah dan Keselamatan Komuniti (JPJKK) Bukit Aman sebelum dilantik 6 Januari lalu menggantikan Datuk Abdul Ghafar Rajab yang ditukarkan ke jawatan baru.

Hadir sama, Timbalan Ketua Polis Pulau Pinang, Datuk Roslee Chik dan Pemangku Ketua Jabatan Pengurusan Ibu Pejabat Polis Kontinen (IPK) Pulau Pinang, Supritendan A.A. Anbalagan.



CHUAH Ghee Lye.

Jangan 'curi-curi' pasang AES di P.Pinang, nasihat KM

PADANG LALANG - Menteri Pengangkutan, Datuk Seri Liow Tiong Lai yang dikatakan berhasrat melaksanakan semula saman ekor supaya tidak 'curi-curi' memasang kamera AES di Pulau Pinang.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng yang juga Setiausaha Agung DAP memberi nasihat terbuka itu ketika menyampaikan RM300 insentif perkhidmatan kepada 405 pemandu teksi dan 305 operator bas sekolah dari bahagian Seberang Perai baru-baru ini.

"Saya difahamkan, dia (Tiong Lai) mahu pulihkan saman ekor... saya pun tak tahu sama ada dia nak laksanakan di Pulau Pinang atau tidak.

"Tapi, saya harap jangan curi-curi pasang," nasihatnya yang juga Ahli Parlimen Bagan merangkap Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Air Putih di Dewan Serbaguna Pejabat Daerah dan Tanah Seberang Perai Tengah (SPT) di sini.

Turut berucap, Exco Pertanian & Industri Asas Tani, Pembangunan Desa dan Kesihatan, Dr. Afif Bahardin; Pengerusi Persatuan

Gabungan Pemandu Teksi Pulau Pinang (GABUNGAN) Pulau Pinang, Abdul Malik Darus; dan Setiausaha Persatuan Operator Bas Sekolah Pulau Pinang, Law Khim Ching.

Hadir sama, Exco Kebajikan, Masyarakat Penyayang dan Alam Sekitar, Phee Boon Poh; Exco Kerja Raya, Pengangkutan dan Utiliti, Lim Hock Seng; ADUN Jawi, Soon Lip Chee; ADUN Bagan Dalam, A. Tanasekharan dan Pegawai Daerah SPT, Zulkifli Long.

Menurut Guan Eng, Kerajaan Negeri akan terus mengambil pendirian membantah langkah Putrajaya itu sekiranya menerima bantahan daripada majoriti rakyat, termasuk pemandu teksi dan operator bas sekolah.

"Kalau saya tidak silap, jika dia (Tiong Lai) nak pasang kamera AES mesti terlebih dahulu mendapat kebenaran daripada Kerajaan Negeri menerusi pihak kerajaan tempatan."

"Jadi, saya nak tanya, adakah Tuan-Tuan dan Puan-Puan bersetuju dengan pelaksanaan

semula AES ini," tanya beliau. "Majoriti hadirin dalam dewan berdiri sambil melafazkan 'tak bersetuju' dengan hasrat Tiong Lai itu.

Terdahulu, Kabinet pada 11 Ogos 2010 memutuskan untuk menarik balik tindakan menenarai hitam kesalahan di jalan raya, buat sementara waktu sehingga 28 Februari 2011, bagi membolehkan orang ramai memperbaharui lesen memandu dan cukai jalan.

Datuk Seri Kong Cho Ha yang ketika itu merupakan Menteri Pengangkutan menyatakan bahawa, keputusan itu diambil setelah mendengar alasan, aduan dan rayuan orang ramai serta ahli jemaah menteri.

Pelaksanaan AES membolehkan kenderaan dipandu laju melebihi had ditetapkan dikenakan saman RM300.

Sistem AES yang dimiliki oleh Kementerian Pengangkutan serta dikendalikan entiti swasta, Beta Tegap Sdn. Bhd. dan Commercial Circle (M) Sdn. Bhd. mula dikuatkuasakan pada 23 September 2012.

**SENARAI NAMA AHLI MAJLIS
MPSP 2017**

Nama	Telefon
MPSP	04 - 549 7555
David Marshel a/l Pakianathan	019 - 412 3397
Heng Yeh Shuan	016 - 261 2460
H'ng Mooi Lye	012 - 425 2602
Kumar a/l Kanapathy	04 - 323 8757 016 - 407 6058
Mohamad Shaipol Ismail	019 - 414 6079
Satees A/l Muniandy	016 - 438 4767
Tan Chee Teong	012 - 401 7718
Tan Cheong Heng	012 - 487 3101
Thomas Loh Wei Pheng	04-390 6836 012 - 409 6836
Woo Sze Zeng (Joshua)	016 - 557 6672
Zulkifli Ibrahim	012 - 477 5588
Mohd Sharmizan Mohamad Nor	011 - 1110 6456
Zaini Awang	019 - 546 3115
Ong Jing Cheng	016 - 445 5709 012 - 758 3779
Anuar Yusoff	04 - 507 5390 016 - 4616 390
Dr Amar Pritpal Abdullah	04 - 582 2020 019 - 452 2020
Shuhada Abdul Rahim	010 - 380 7672
Dr. Seow Kweng Tian	04 - 593 5493 012 - 507 2229
Fadzil Hj Abdullah	017 - 343 4464
Zulkiply Ishak	013 - 431 6161
Dr. Tiun Ling Ta	04 - 505 7288 013 - 430 2096
Wong Chee Keet	012 - 451 1312
Hamizah Abdul Manab	013 - 591 6344

SENARAI PEGAWAI-PEGAWAI PEMBANTU KEWARGANEGARAAN PULAU PINANG

Bil.	Nama	Daerah	Pejabat / Unit Kewarganegaraan	No. Telefon
1.	Chiam Heng Hak	Timur Laut	Bilik Perkhidmatan Awam, Tingkat 3, KOMTAR.	04 - 650 5556
3.	K. Krishnasamy	Seberang Perai Utara	Tingkat 1, Pejabat Daerah SPU, Bertam Kepala Batas.	012 - 488 1553
4.	P. Rachenamorthy	Seberang Perai Tengah	Pejabat Bangunan MPSP , Jalan Betek, Bukit Mertajam	019 - 457 2271
5.	A. Veerasamy	Seberang Perai Selatan	Tingkat Dua, Kompleks Pejabat-Pejabat Kerajaan SPS, 14200, Jawi.	012 - 451 5938

Nota:

Orang awam dipohon menghubungi Pegawai-Pegawai Pembantu Kewarganegaraan untuk menetapkan temujanji masing-masing.

**SENARAI NAMA AHLI MAJLIS
MBPP 2017**

Nama	Telefon
MBPP	04 - 259 2020
Ahmad Azrilal Tahir	012 - 498 4556
Ahmad Razaaim bin Azimi	012 - 572 4711 016 - 451 9225
Francis a/l Joseph	012 - 474 3321
Gan Ay Ling	012 - 401 2265
Goh Choon Keong	019 - 471 7931
Gooi Seong Kin	016 - 457 1271
Teoh Koon Gee	016 - 419 1938
Harvindar a/l Darshan Singh	012 - 428 2250
Joseph Ng Soon Siang	012 - 423 9143
Kala a/p Durai Raj	016 - 468 4247
Khoo Salma Nasution	017 - 456 6012
Kumaresan a/l Aramugam	014 - 945 9621
Lee Chun Kit	012 - 519 2152
Mhd. Nasir Yahya	012 - 402 6739
Muhammad Bakhtiar Wan Chik	019 - 470 8811
Noor Syazwani Md Amin	014 - 307 7101
Nur Zarina Zakaria	011 - 1578 5098
Ong Ah Teong	012 - 410 6566
Saiful Azwan Abd Malik	016 - 463 2787
Shahrudin Mohamed Shariff	012 - 428 3160
Shung Yin Ni	012 - 413 9246
Syerleena Abdul Rashid	019 - 225 6502
Tan Chiew Choon	019 - 470 4499
Wong Yuee Harrng	016 - 439 9121

**Kalendar Pelancongan
Pulau Pinang Februari 2017**



9hb Februari
Hari Thaipusam

SIDANG REDAKSI BULETIN MUTIARA

Penulis:
YAP LEE YING
AINUL WARDAH SOHILLI
ZAINULFAQAR YAACOB
NORSHAHIDA YUSOFF
WATAWA NATAF ZULKIFLI

Jurugambar/Juruvideo:
CHAN LILIAN
LAW SUUN TING
ALISSALA THIAN
AHMAD ADIL MUHAMAD
DARWINA DAUD

Jurugrafik:
IDZHAM AHMAD
LOO MEI FERN

Bagi sebarang maklum balas, sila hantar ke:

Editor BULETIN MUTIARA,
Tingkat 47, Komtar, 10503 Penang
Telefon : 04-650 5468 ; Fax : 04-261 5923
Email: buletinmutiara.bpkn@gmail.com

Cakna belia, Halil harap KN perbanyak projek infrastruktur di Teluk Bahang

TAHU tidak tahu, Kawasan Dewan Undangan Negeri (KADUN) Teluk Bahang, khususnya Pantai Kerachut yang menjadi tempat tumpuan penyu bertelur, turut dilihat sebagai antara destinasi pilihan utama buat pelancong asing dan pengunjung tempatan.

Maka, tidak hairanlah, **HALIL SABRI HAMID**, 42, yang sejak dilantik sebagai Pegawai Penyelaras KADUN (PPK) Teluk Bahang pada tahun 2014 mahu kegiatan ekonomi setempat terus dimajukan selari dengan potensi pelancongan di sini.

"Pusat Pendaratan Penyu di Pantai Kerachut memang terkenal, dan merupakan antara destinasi pelancongan terkenal dunia.

"Pelancongan ke Teluk Kampi, Pantai Kerachut, Mukahead dan Monkey Beach juga terkenal, boleh secara mendaki bukit atau menaiki bot yang sudah tentu menjana pendapatan pengusaha bot daripada kalangan penduduk tempatan.

"Tidak dilupakan, Taman Negara Pulau Pinang, walaupun saiznya terkecil di Malaysia, tetapi kehadiran pengunjung ke sana memang menjana ekonomi desa penduduk setempat di Teluk Bahang.

Halil Sabri atau lebih dikenali sebagai 'Halil' mengakui bahawa pengunjung berganda ke Teluk Bahang sejak taman rama-rama negeri Entopia dibuka semula pada bulan Mei tahun lepas.

"Saya melihat Kerajaan Negeri begitu komited dalam menyediakan infrastruktur awam ke Teluk Bahang, dengan jalan akses yang lebih selamat dan selesa.

"Dan, saya percaya lebih banyak Kerajaan Negeri berbelanja untuk menganjurkan program ekonomi komuniti, ia akhirnya akan memberi kesan berganda kepada ekonomi rakyat di Teluk Bahang," jelasnya ketika sesi wawancara bersama-sama dua wartawan akbar Buletin Mutiara, Zainulfaqar Yaacob dan Danny



TURUN meredah air ketika kejadian banjir kilat tahun lepas di Teluk Bahang.



HALIL Sabri Hamid (kanan sekali) bersama-sama Penghulu mendapatkan maklum balas daripada keluarga terpilih di sini untuk dipertimbang menerima bantuan kewangan di bawah program Agenda Ekonomi Saksama (AES) yang dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri.

Ooi Eng Keat serta jurugambar, **Idzham Ahmad**.

REKREASI POPULAR

Daripada segi lain, Halil mengakui bahawa segelintir anak-anak kecil di Pulau Pinang ada yang tidak pernah menyaksikan rusa sebenar, walaupun tahu ada Kampung Jalan Baru, Kampung Sungai Rusa dan sekitar pekan Teluk Bahang.

Namun, di Audi Dream Farm, pelancong asing dan pengunjung tempatan bukan saja berpeluang menyaksikan rusa hidup, bahkan pelbagai lagi binatang ternakan lain serta melihat tanaman-tanaman organik yang mendamaikan.

"Tak cukup tahu ada Kampung Sungai Rusa, boleh tengok keadaan rusa sebenar jika ke Teluk Bahang.

"Di Teluk Bahang juga ada destinasi pelancongan alam lain seperti Tropical Fruit Farm dekat bukit Teluk Bahang dan Tropical Spice Garden di sini juga," ujarnya.

Katanya, Taman Rimba, Empangan Teluk Bahang, Titi Gantung dekat laluan Pantai Kerachut tidak perlu diperkenalkan lagi, kerana antara tempatan rekreasi popular di sini.

RUMAH INAP DESA

Menyedari Teluk Bahang kian dikunjungi pengunjung, Halil memberitahu, usaha mewujudkan rumah inap desa sebagai produk

pelancongan negeri begitu dinanti-nantikan.

"Setakat ini, terdapat begitu banyak rumah inap desa di Teluk Bahang, tetapi pilihan terbaik ada di Kampung Jalan Baru, Kampung Sungai Rusa dan sekitar pekan Teluk Bahang.

"Dengan bantuan daripada Kementerian dulu, mereka (para pengusaha) sekarang dah mengusahakan rumah inap desa sendiri lah.

"Kita juga membantu dari segi promosi serta menganjurkan program di rumah inap desa ini, seperti bulan November lalu, kita dengan kerjasama sebuah NGO (pertubuhan bukan kerajaan) menganjurkan Program Jelajah Kampung.

"Program ini melibatkan lawatan 80 peserta ke sini, serta lebih kurang 50 penduduk tempatan, program permainan tradisional antara yang menarik dalam Jelajah Kampung," katanya.

Maka, beliau berharap Kerajaan Negeri khususnya pihak Exco Pembangunan Pelancongan, Danny Law Heng Kiang membawa lebih banyak produk serta program pelancongan ke KADUN Teluk Bahang.

"Contoh, seperti Pertandingan Seni Suara dan Gaya Burung anjuran Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Komuniti (JKKK) Simpang Empat, walaupun dalam KADUN Pulau Betong, pada pertengahan tahun lalu (2016) menerima penyertaan daripada penggemar burung dari seluruh pelusuk Semenanjung Malaysia.

"Sudah lama komuniti Melayu kita tidak melihat pertandingan klasik dan unik seumpama ini, dan ia patut dipertimbangkan untuk dimasukkan ke dalam kalender acara pelancongan negeri," ujarnya



PROGRAM 'Free Market', iaitu agihan baju terpakai kepada komuniti setempat yang memerlukan.



BERSAMA-sama wartawan Buletin Mutiara ketika melawat Audi Dream Farm.

lanjut.

KEGIATAN EKONOMI

Halil menjelaskan, Teluk Bahang merupakan salah sebuah tempat pengeluaran buah pala yang terkenal sebagai identiti Pulau Pinang.

"Sampai hari ini, kilang buah pala di sini beroperasi menghasilkan bungkusan jeruk dan jus," selorohnya ketika dalam perjalanan ke Jeti Nelayan Kuala Sungai Pinang.

Di sini, beliau saling berinteraksi dengan beberapa anak muda, yang baru pulang membawa hasil laut.

Halil, Zainulfaqar dan Idzham masing-masing turut membeli sekelo udang besar seurah RM30.

CAKNA BELIA

Beliau memberitahu, Kerajaan Negeri sepanjang beliau menjadi PPK Teluk Bahang begitu banyak menyokong projek pembangunan infrastruktur khusus untuk belia dan muda-mudi.

Halil menyatakan, gelanggang futsal yang siap dibina di Kampung Nelayan dekat Teluk Bahang menelan belanja RM110,000 daripada sumber Kerajaan Negeri.

Tambahnya, gelanggang bola keranjang yang siap dibina untuk muda-mudi berbangsa Cina di

Pantai Aceh menelan belanja kira-kira RM80,000.

"Pentadbiran Ketua Menteri (Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng) turut meluluskan projek naik taraf dua gelanggang sepak takraw di Kampung Jalan Baru dan Sungai Pinang, dengan kos keseluruhannya sebanyak RM140,000.

"Kerajaan Negeri hari ini boleh berbelanja lebih untuk projek-projek pembangunan infrastruktur kerana ada lebihan kewangan (*surplus*) dan anak muda Teluk Bahang dapatlah merasai hasil pembangunan ini secara tidak langsung atau melalui pemberian wang tunai seperti diterima warga emas, anak emas, ibu tunggal, orang kurang upaya (OKU), pelajar emas, siswa masuk universiti awam dan sebagainya.

"Bayangkan jika Pakatan Harapan (PH) yang memerintah Kerajaan Negeri hari ini diberi peluang menubuhkan Kerajaan Persekutuan dengan mandat majoriti rakyat," tambahnya.

Beliau yakin tadbir urus bersih, cekap, amanah dan adil yang diamalkan oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang sejak tahun 2008 sedikit sebanyak mengubah tanggapan salah penduduk di Teluk Bahang, khususnya komuniti Melayu tertentu.

(Dari muka I)

KN Pakatan Harapan berjaya selamatkan Kg. Permatang Tok Suboh daripada lenyap

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**
Gambar : **AHMAD ADIL MUHAMAD**

MACHANG BUBOK - Seramai 26 pemilik kediaman asal yang dipaksa keluar dari Kampung Permatang Tok Suboh ditawarkan unit rumah dengan pembayaran kos seunit serendah RM25,000 di atas tanah Lot 635 milik Kerajaan Negeri, bersebelahan kampung mereka juga.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng berkata, Kerajaan Negeri turut menawarkan unit kediaman kos rendah kepada 11 pemilik rumah asal yang dibina tanpa kebenaran di atas tanah Lot 635, sama.

“Kerajaan Negeri bukan sahaja akan menawarkan tanah secara percuma, tetapi juga akan membina 37 buah rumah.

“Kerajaan Negeri akan menawarkan penempatan baru ini kepada 26 keluarga yang dipaksa pindah oleh pemaju dan 11 buah rumah yang kini menduduki tanah tanah Lot 635 tanpa kebenaran.

“Kerajaan Negeri Pakatan (Harapan) telah berjaya menyelamatkan Kampung Permatang Tok Subuh daripada lenyap sama sekali di Pulau Pinang,” tegasnya yang juga Exco Hal Ehwal Tanah & Pembangunan Tanah, Penerangan, Kebudayaan & Kesenian, Warisan dan Hal Ehwal Bukan Islam.

Berikut adalah kronologi ringkas mengenai Kampung Permatang Tok Suboh:

- Penduduk Kampung Permatang Tok Suboh menghadapi masalah pengusiran paksa oleh pihak pemaju swasta. Pada asalnya, 52 buah isi rumah telah diberi notis pertama sejak Mei 2013. Selepas Pilihan Raya Umum Ke-13 (PRU13), Ahli Parlimen Bukit Mertajam, Steven Sim Chee Keong dan ADUN Machang Bubok, Lee Khai Loon telah bersama-sama dengan penduduk untuk menyelesaikan isu ini.

- 26 isi rumah daripada 26 keluarga telah mengambil keputusan untuk berpindah, manakala 26 lagi memutuskan untuk memperjuangkan pampasan yang lebih adil. Mereka ini telah menukuhan sebuah jawatankuasa bertindak Kampung Permatang Tok Suboh (*jawatankuasa*) yang dipengerusikan oleh Puan Hamidah Che Embi, salah seorang daripada penduduk di situ.

- Penduduk ditawarkan sejumlah wang daripada RM10,000 hingga RM37,000. Jumlah ini berdasarkan penilaian harga rumah oleh tuan tanah. Walau bagaimanapun, jawatankuasa memutuskan bahawa tawaran tersebut tidak boleh diterima memandangkan tidak dapat

memperoleh sebuah rumah walaupun rumah kos rendah sekalipun. Penduduk kampung bergaji antara RM900 sehingga RM2,500 dan ramai yang tidak mempunyai pekerjaan dan pendapatan tetap. Apa yang dituntut oleh jawatankuasa ialah sebuah rumah menggantikan rumah sedia ada ataupun RM42,000 mengikut garis panduan perumahan Kerajaan Negeri.

- Antara perkara yang telah dilaksanakan pihak Kerajaan Negeri termasuk bantuan guaman percuma sehingga ke Mahkamah selepas jawatankuasa memutuskan untuk membawa kes ini ke penghakiman, pelbagai program sosial juga telah dilaksanakan di Kampung Permatang Tok Suboh seperti pemeriksaan kesihatan, program Ramadan, program Aidilfitri, acara sukan dan lain-lain lagi sepanjang tiga tahun ini. Pihak Kerajaan Negeri juga telah mengajukan mesyuarat dan perbincangan antara penduduk dan tuan tanah bagi mendapatkan penyelesaian menang-menang. Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng juga pernah melawat kampung tersebut sebanyak tiga kali dan sekali lagi menjemput penduduk ke pejabat beliau di Komtar bagi membincangkan masalah kampung berkaitan.

- Pada bulan November 2015, jawatankuasa telah bersetuju untuk

Beliau berkata demikian dalam Program Jelajah Desa Bersama-Sama Ahli Parlimen Ipoh Timur, Lim Kit Siang di Kampung Permatang Tok Suboh pada 21 Januari lepas.

Turut serta, Ahli Parlimen Bukit Mertajam, Steven Sim Chee Kiong dan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Machang Bubok, Lee Khai Loon.

Guan Eng yang juga ADUN Air Putih menjelaskan, Kerajaan Negeri mula campur tangan dalam isu berbangkit itu selepas 26 isi rumah tersebut tewas di mahkamah serta menerima notis mengosongkan kediaman masing-masing pada 17 Februari lalu.



KETUA MENTERI memeluk erat salah seorang penduduk asal Kampung Permatang Tok Suboh sambil diperhatikan Lim Kit Siang (barisan depan, kanan sekali) dan pimpinan negeri pada Majlis Penyampaian Surat Tawaran Untuk Membeli Rumah Kos Rendah Berharga RM25,000 Kepada 26 Keluarga di sini baru-baru ini.

tambahan hampir 150 peratus ataupun sebanyak RM15,000. Penduduk bersetuju dengan tawaran terbaru ini. Kini dalam perbincangan untuk memperhalusi perjanjian bertulis antara kedua-dua pihak.

- Selain itu, Kerajaan Negeri juga telah bersetuju memperuntukkan sebidang tanah (Lot 635) di sebelah tanah yang didiami masa kini untuk dibuat penempatan semula Kampung Permatang Tok Suboh. Kerajaan Negeri bukan sahaja akan menawarkan tanah secara percuma, tetapi juga akan membina 37 buah rumah.

- Kerajaan Negeri akan menawarkan penempatan baru ini kepada 26 keluarga yang dipaksa pindah oleh pemaju dan 11 buah rumah yang kini menduduki tanah tanah Lot 635 tanpa kebenaran. Jika 26 buah isi rumah Kampung Permatang Tok Suboh menerima tawaran, mereka akan dikenakan bayaran rumah kos rendah sebanyak RM25,000, manakala 11 buah rumah yang duduk di atas tanah ini tanpa kebenaran akan ditawarkan rumah secara percuma.

- Maka hiduplah Kampung Permatang Tok Suboh! Kerajaan Negeri Pakatan Harapan telah berjaya menyelamatkan Kampung Permatang Tok Suboh daripada lenyap sama sekali di Pulau Pinang.

Kesungguhan Kerajaan Negeri hasilkan keajaiban, pembeli Majestic Heights terima kunci selepas hampir 20 tahun

Oleh : **NORSHAHIDA YUSOFF**
Gambar : **LAW SUUN TING**

PAYA TERUBONG – Kerajaan Negeri Pakatan Harapan (PH) Pulau Pinang pada 21 Januari lalu membuktikan bahawa tiada perkara yang mustahil untuk dicapai, apabila 370 pembeli Majestic Heights Fasa 2A menerima kunci kediaman masing-masing setelah hampir 20 tahun ianya terbengkalai di bawah Kerajaan Negeri terdahulu.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng pada majlis tersebut menyifatkan projek Majestic Heights sebagai sebuah keajaiban apabila ia (projek) yang telah mati berjaya dihidupkan kembali hasil inisiatif Kerajaan Negeri PH dengan bantuan pihak pemaju berwajib, PLB Engineering Berhad (PLB Engineering).

“Akhirnya, selepas 20 tahun, Kerajaan Negeri telah berjaya memulihkan semula Majestic Heights dengan bantuan exco perumahan dan pihak pemaju.

“Jika sebelum ini, semua orang lepas, tangani dan kata ianya tidak boleh hidup

kembali, tetapi kita (Kerajaan Negeri) telah buktikan bahawa sifat tidak putus asa, tidak lepas tangan dan lakukannya dengan bersungguh-sungguh, keajaiban telah berlaku.

“Ini menunjukkan kemampuan istimewa Kerajaan Negeri. Kita (Kerajaan Negeri dan pihak pemaju) telah bersama-sama lakukan apa yang tidak boleh dibuat dalam tempoh 20 tahun.

“Projek yang mati telah berjaya dihidupkan semula untuk berikan rumah dan harapan baru kepada para pembeli,” ujarnya pada Majlis Penyerahan Kunci Kediaman Majestic Heights Fasa 2A yang kini dijenamakan semula sebagai Taman Terubong Indah Fasa 2 di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Exco Perancangan Bandar & Desa dan Perumahan, Jagdeep Singh Deo, Lim Hock Seng (Exco Kerja Raya, Utiliti dan Pengangkutan), Yeoh Soon Hin (Ahli Dewan Undangan Negeri, ADUN Paya Terubong) dan Wong Hon Wai (ADUN Air Itam).

Ahli Parlimen Bukit Gelugor, Ramkarpal Singh dan Pengurus PLB Engineering, Datuk

Seri Ong Choo Hoon turut serta pada majlis bersejarah berkaitan.

Menurut Guan Eng, kesungguhan Kerajaan Negeri untuk memajukan Pulau Pinang terserah dengan pemulihian semula beberapa projek di seluruh negeri umpamanya PISA (Penang International Sports Arena) yang kini dikenali sebagai SPICE (Subterranean Penang International Convention and Exhibition), Bukit Bendera dan bangunan Komtar.

“Ini (Majestic Heights) bukanlah satu projek sahaja yang kita berjaya beri nafas baru dan hidupkan semula.

“Seperti Bukit Bendera, jika dahulunya hanya menerima sekitar 200,000 pengunjung sahaja setahun, tetapi setelah dinaik taraf dan dipulihkan semula, ia mencatatkan lapan kali ganda iaitu 1.6 juta pengunjung pada tahun lalu (2016),” katanya yang juga ADUN Air Putih merangkap Ahli Parlimen Bagan di sini.

Dalam pada itu, Jagdeep memberitahu, sehingga 2013, sebanyak empat projek pembangunan swasta yang ditangguhkan, dikategorikan sebagai ‘sakit’ (13) dan projek terbengkalai (4).



PEMILIK pemilik unit Majestic Heights Fasa 2A yang menerima kunci kediaman masing-masing mereka bentuk banting khas sebagai ucapan terima kasih kepada kepimpinan Kerajaan Negeri pada majlis bersejarah berkaitan di sini baru-baru ini.

“Kesemua projek-projek ini telah berjaya diselesaikan termasuk Majestic Heights.

“Kini, hanya tinggal satu projek yang terbengkalai sejak tahun 2009 iaitu Mengkuang Heights yang membabitkan 130 unit kediaman.

“Dengan komitmen yang diberikan, kita harap ianya dapat disiapkan tahun ini, sekaligus menjadikan Pulau Pinang sebagai negeri bebas projek terbengkalai,” jelas beliau.

Pusat Agro Ara Kuda, KN seru penyertaan usahawan tani tempatan

Oleh : NORSHAHIDA YUSOFF
Gambar : ALISSALA THIAN

PAYA TERUBONG - Sebuah pusat pertanian baharu bakal diwujudkan di Ara Kuda, Permatang Pauh tahun ini dalam usaha menggalakkan sektor pertanian di Pulau Pinang.

Perkara berkenaan dimaklumkan Exco Pertanian & Industri Asas Tani, Pembangunan Desa dan Kesihatan, Dr. Afif Bahardin ketika merasmikan pengajuran *Man Man Market* di Pusat Agro Pertanian Relau di sini 22 Januari lalu.

Afif berkata, ketika ini, kawasan seluas 22 ekar diperuntukan Kerajaan Negeri untuk dijadikan pusat agro pertanian baharu selepas Pusat Agro Pertanian Relau dan Batu Kawan kini.

"Daripada keseluruhan kawasan,

kawasan dua ekar akan diperuntukan kepada setiap usahawan tani yang berminat turut serta di dalam projek ini.

"Buat masa ini, tumpuan menjurus kepada penanaman sayur-sayuran dan herba."

"Mengikut perancangan, ia akan dijalankan secara organik ataupun fertigasi," jelasnya pada majlis berkaitan.

Sejumlah 15 hingga 20 petani organik menyertai pengajuran *Man Man Market* yang diadakan di Pusat Agro Pertanian Relau pada minggu pertama setiap bulan.

Mengulas lanjut, Afif yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Seberang Jaya menyeru usahawan-usahawan tani seluruh Pulau Pinang, termasuk petani organik untuk turut



DR. Afif Bahardin (lima dari kiri) bersama-sama pihak pengajuran dan sebahagian petani menyempurnakan acara *lor yee sang* yang diadun daripada sayur-sayuran organik sebagai simbolik kepada majlis perasmian pengajuran *Man Man Market* di sini baru-baru ini.

serta dalam projek berkaitan.

"Buat masa ini, kita masih buka permohonan kepada mereka yang berminat."

"Dijangka proses temuduga dan pemilihan akan mula dijalankan selepas Tahun Baru Cina nanti."

"Manakala, majlis pecah tanah dirancang akan disempurnakan pada bulan Jun 2017 iaitu selepas Hari Raya Aidilfitri," ujarnya.

Dalam pada itu, mengulas mengenai harga penawaran produk organik yang begitu tinggi di pasaran, Afif menyatakan bahawa ia adalah ekoran penawaran produk yang terhad.

"Untuk menstabilkan harga pasaran produk (organik), kita mestilah keluarkan produk dengan lebih banyak.

"Apabila permintaan melebihi penawaran, sudah pastilah harga akan tinggi. Justeru, perhatian perlu diberikan untuk meningkatkan pengeluaran produk-produk organik khususnya pertanian," kata beliau.



ANTARA hasil-hasil tani yang dijual.

PELUANG PERNIAGAAN Halal?

Anjuran: **PIHH HALAL PENANG**

PIHEC 2017

8th PENANG INTERNATIONAL Halal Expo & Conference

Tarikh & Tempat
24 - 26 FEBRUARI 2017
Spice Arena, P.Pinang

Diskon 20%!!
TEMPAH BOOTH ANDA SEKARANG!
Dapatkan Diskon Tempahan Awal*

* Sebelum 30 November 2016

HUBUNGI KAMI : SEKRETARIAT PIHEC 2017, Tingkat 44, KOMTAR 10503, P.Pinang
T: +604-262 5444 | F: +604-263 5444 | E: pihec@halalpenang.com

PihecEvent www.pihec.com.my



Oleh: ME

**TABUNG AMANAH PINJAMAN PENUNTUT NEGERI PULAU PINANG**Pejabat Setiausaha Kerajaan, Paras 25, KOMTAR, 10503 Pulau Pinang Tel : 04-6505165 / 6505391 / 6505627 Fax : 04-2613453
Layarilah Laman Web : <http://www.penang.gov.my>

Pentadbiran ini dalam usaha mengesan semula peminjam dan penjamin mengikut senarai di bawah. Dipohn penama tersebut menghubungi pihak pentadbiran bagi tujuan pembayaran dengan kadar segera sebelum diambil tindakan selanjutnya. Orang ramai juga boleh tampil untuk memberi maklumat mengenai penama yang berkenaan.

(Sila abaikan notis ini jika pembayaran telah dibuat)

No Akaun Peminjam Penjamin 1	: 10073 : MEEZANA BINTI MEERA MYDEEN - 81101207**** : BLOK 10-3-11 LINTANG KAMPUNG RAWA 1, HALAMAN DAMAI 10150 PULAU PINANG : AL-RIFAE BIN MOHAMED ISHAK - 70111771**** : BLOK 88-5-12A SRI WONDER, LINTANG SUNGAI PINANG, 10150 PULAU PINANG	No Akaun Peminjam Penjamin 1	: 10106 : LIM CHUON HONG - 84061207**** : NO.2995 JALAN MAJU, TAMAN SERI MAJU 14000 BUKIT MERTAJAM : KHOR LEE LI - 58102007**** : 2995 JALAN MAJU, TAMAN SERI MAJU 14000 BUKIT MERTAJAM	No Akaun Peminjam Penjamin 1	: 10119 : TEH HOOI PEI - 84012807**** : 25 LORONG SRI KIJANG 19, TAMAN SRI KIJANG 14000 BUKIT MERTAJAM : TEH KHENG SIONG - 72062607**** : 46 JALAN BERAPIT INDAH 2, TAMAN BERAPIT INDAH, 14000 BUKIT MERTAJAM	No Akaun Peminjam Penjamin 1	: 10125 : NUR FARIDZA BINTI HABIB RAHMAN - 84101607**** : BLOK A7-02-16 JALAN TUNA 13700 SEBERANG JAYA : HABIB RAHMAN BIN MOHD SHARIFF - 50062907**** : 49 LORONG NANGKA 10, TAMAN DESA DAMAL 14000 BUKIT MERTAJAM
No Akaun Peminjam Penjamin 2	: 10140 : MOHD HAZLAMI BIN ZULKIPLI - 86123135**** : NO.1251 MK 9, KAMPUNG PAYA, TELUK KUMBAR, BAYAN LEPAS 11920 PULAU PINANG : ZULKIFLI BIN MAT - 63032907**** : 1251 MUKIM 9, KAMPUNG PAYA, TELUK KUMBAR, BAYAN LEPAS, 11920 PULAU PINANG	No Akaun Peminjam Penjamin 1	: 10146 : MOHD ISKANDAR BIN HAUZAR - 86063035**** : BLOK B-G-10 TAMAN HJ MOHD AMIN, KAMPUNG PERTAMA 13500 PERMATANG PAUH : NORAINI BT MOHAMED @ WAN TEH - 66031307**** : PDC, 1 PERSIARAN MAHSURI, BANDAR BAYAN BARU, 11909 PULAU PINANG	No Akaun Peminjam Penjamin 2	: 10150 : ONG CHENG THIN - 64122807**** : 31 JALAN KEBUN NENAS 4R/KS8, BANDAR PUTERA 2, 41200 KLANG, SELANGOR : CHUAH LAY HOON - 65061907**** : 31 JALAN KEBUN NENAS 4R/KS8, BANDAR PUTERA 2, 41200 KLANG, SELANGOR	No Akaun Peminjam Penjamin 2	: 10151 : MAIZATUL NURUL BARIAH BINTI AHMAD - 85071017**** : 3-14 DESA SELATAN, JALAN JELUTONG 11600 PULAU PINANG : AMIR HAZRIL SANY BIN AHMAD - 79031507**** : 274 LORONG ANGSANA 1, TAMAN ANGSANA 09000 KULIM, KEDAH
No Akaun Peminjam Penjamin 1	: 10154 : NAZIRAH BINTI YAHAYA - 86081308**** : NO.1383 LORONG CEMPA, JALAN TELAGA AIR 12200 BUTTERWORTH : ZULKIFLI BIN YAHAYA - 79031408**** : 3922 KAMPUNG AMAN, 13100 PENAGA, SEBERANG PERAI UTARA	No Akaun Peminjam Penjamin 1	: 10165 : NOOR SURIANA BINTI MOHD KHALDI - 86093035**** : NO.12 JALAN BUNGA PANDAN, KAMPUNG PASIR GAJAH, PARIT 32800 PERAK : SUHAIMI BIN AHMAD - 57072202**** : 38 LORONG KERANJI 03, TAMAN KERANJI, KULIM, 09000 KEDAH	No Akaun Peminjam Penjamin 2	: 10166 : TNIEH WENG KUAN - 85042607**** : NO.12-7 TAMAN HUI AUN, HALAMAN ZOO SATU 11500 AYER ITAM, PULAU PINANG : TEH BENG SENG - 43041407**** : NO.4-8 JALAN ZOO, 11500 AYER ITAM, PULAU PINANG	No Akaun Peminjam Penjamin 2	: 10173 : PUVENDRAN A/L KARPAYAH - 83050207**** : 681-B TINGKAT 2 BLOK A, TAMAN TUN DR AWANG, BAGAN AJAM 13000 BUTTERWORTH : PANNEER SELVAM A/L GANESEN - 71072507**** : T.B.P. 3728 RUMAH PANJANG UDA, BAGAN DALAM, 12100 BUTTERWORTH
No Akaun Peminjam Penjamin 2	: 10154 : MOHD SHAHRIZAL BIN YUSUF - 82050307**** : 54 PERMATANG BENDAHARI, 13100 PENAGA, SEBERANG PERAI UTARA	No Akaun Peminjam Penjamin 2	: 10165 : AHMAD GHAZALI BIN MOHAMED MEAH - 82060707**** : BLOK A - 2 TINGKAT 10, PANGSAPURI JABATAN LAUT, JALAN AQUARIUM 11700 GELUGOR, PULAU PINANG : MOHAMED AKHIR BIN YUSOFF - 59102107**** : NO. 27 JALAN NURI 1, SETIA PULAU MUTIARA 11900 BAYAN LEPAS, PULAU PINANG	No Akaun Peminjam Penjamin 2	: 10166 : PREMA DEVI A/P CHELLAYAH - 80091007**** : 26 LORONG BELATUK 8, TAMAN BELATUK, JALAN BUKIT PANCHOR 14300 NIBONG TEBAL, SPS : GANESH CHANDRU A/L CHELLAYAH - 75101507**** : BLOCK B 13-07 SEAVIEW TOWER, JALAN HARBOUR PLACE OFF JALAN ASSUMPTION 12100 BUTTERWORTH	No Akaun Peminjam Penjamin 2	: 10173 : WINSON A/L SAVASTIAN - 78092708**** : 1F-05-09 JALAN RU 1, DESA BAIDURI, FARLIM, AYER ITAM, 11500 PULAU PINANG
No Akaun Peminjam Penjamin 1	: 10063 : RUDZIAH BINTI ISMAIL - (MENINGGAL DUNIA) : 9 JALAN ISMAIL NAGORE 11700 GELUGOR, PULAU PINANG				: 10120 : VICKNESWARI A/P THANNIMALAI - 78060807**** : BLOCK B 13-07 SEAVIEW TOWER, JALAN HARBOUR PLACE OFF JALAN ASSUMPTION 12100 BUTTERWORTH		

KN serius sedia kemudahan infrastruktur bertaraf dunia secara berterusan - KM



PINTU masuk utama Jabatan Landskap dan Jabatan Khidmat Kemasyarakatan MBPP.

Oleh : NORSHAHIDA YUSOFF
Gambar : SHUM JIAN-WEI

GEORGE TOWN – Pembinaan bangunan baharu Jabatan Landskap dan Jabatan Khidmat Kemasyarakatan Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) berkonsepkan bangunan hijau bakal membuka laluan kepada pembinaan lebih banyak kemudahan bertaraf antarabangsa serta hijau di Pulau Pinang.

Perkara tersebut dimaklumkan Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng ketika Majlis Pembukaan Rasmi Bangunan Pejabat Baharu Jabatan Landskap dan Jabatan Khidmat Kemasyarakatan MBPP di Taman Bandaraya, Persiaran Kuari di sini baru-baru ini.

Guan Eng berkata, Kerajaan Negeri amat serius dalam menyediakan kemudahan infrastruktur bertaraf dunia secara berterusan.

"Penekanan bukan sahaja diberi kepada pentadbiran kerajaan yang telus, malah kita (Kerajaan Negeri) akan terus berusaha untuk menjamin suasana hidup serta kerja yang lebih sempurna dan berkualiti.

"Saya percaya dan yakin akan kewibawaan MBPP dalam pelaksanaan projek-projek baharu yang bakal dapat memenuhi citarasa masyarakat negeri Pulau Pinang, selaras dengan tuntutan global serta alam sekitar," ucapnya pada majlis perasmian berkaitan 17 Januari lalu.

Turut berucap, Setiausaha Bandaraya, Ar. Yew Tung Seang.

Hadir sama, Pengarah Khidmat Pengurusan MBPP, Mohamed Akbar Mustapha, Ahli-ahli Majlis, Ketua-ketua Jabatan dan kakitangan MBPP.

Menurut Guan Eng, sebagai sebuah bangunan yang mesra alam, kedua-dua pejabat baharu tersebut dibina dengan elemen hijau semula




jadi seperti dinding *vertical green* yang bertindak sebagai peranti teduhan daripada cahaya matahari.

"Bangunan ini bukan sahaja mesra orang kurang upaya (OKU), malah ia direka bentuk khas agar mengurangkan kebergantungan kepada tenaga elektrik.

"Malah, ia memang berbeza dengan reka bentuk bangunan konvensional lain kerana pejabat ini mengadaptasikan konsep pejabat terbuka yang kini amat popular di peringkat global, yang mana memberi impak positif kepada warga kerja serta mewujudkan suasana mesra dengan orang awam dan pelanggan," jelasnya.

Dengan kos RM5.2 juta, kerja-kerja pembinaan pejabat berkaitan bermula pada 1 Ogos 2014 dan siap sepenuhnya, 16 September 2016.



DINDING vertical green yang bertindak sebagai peranti teduhan daripada cahaya matahari.



• Perlukan Modal Tambahan? • Ingin..... Kembangkan Perniagaan?
• Dapatkan Pinjaman Mikro Kredit PTSR Segera!!!

TANPA CAGARAN & PENJAMIN

PINJAMAN MIKRO KREDIT PROJEK TITIAN SAKSAMA RAKYAT (PTSR) NEGERI PULAU PINANG

SYARAT KELAYAKAN

- Warganegara Malaysia berumur antara 18-60 tahun • Berniaga dan menetap di Pulau Pinang
- Mempunyai lesen perniagaan dan telah berniaga sekurang-kurangnya 6 bulan

**RM1,000 - RM6,000 (PINJAMAN PERTAMA)
TEMPOH BAYARAN BALIK 1 TAHUN
TANPA FAEDAH**

**MAKSIMA RM20,000 (PINJAMAN KALI KE-2, KE-3 & KE-4)
TEMPOH BAYARAN BALIK 2 TAHUN
8% FAEDAH SETAHUN**



Asing sisa, MBPP laksana tindakan pemantauan tegas

Gambar : MBPP

GEORGE TOWN – Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) mula mengambil tindakan pemantauan tegas terhadap penghuni-penghuni premis dan badan pengurusan bersama (JMB) yang didapati tidak mematuhi syarat-syarat pelaksanaan Dasar Pengasingan Sisa Di Punca mulai Januari 2017.

Datuk Bandar MBPP, Dato' Patahiyah Ismail pada sidang media baru-baru ini berkata, tindakan mengeluarkan Notis Mengkehendaki Pengasingan Sampah tersebut adalah sebagai perintis sebelum penguatkuasaan dasar itu yang akan dilaksanakan secara mandatori mulai 1 Jun ini.

“Majlis telah mula



SUASANA ketika berlangsungnya Mesyuarat Biasa Majlis MBPP di sini baru-baru ini.

Program Pendidikan Alam Sekitar

Program ini boleh didapati dalam Bahasa Inggeris, Melayu dan Cina

Tarikh Tutup Permohonan: 15 Feb 2017

01 KEM HIJAU *1 hari

(9 - 12 tahun)



Jadilah RAKAN KOLABORASI Kami!

02 BENGKEL ALAM SEKITAR *separuh hari

- ★ Kem Hijau Muda (5-6 tahun)
- ★ Bengkel “We Are Water Ranger” (8-10 tahun)
- ★ Bengkel Cap Pemikiran Konsumerisme (9-12 tahun)



Penganjur: Penang Green Council

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi di talian: 04-2503322 atau emel: info@pgc.com.my

mengambil tindakan pemantauan tegas mulai Januari lalu terhadap mana-mana pemilik atau penghuni premis dan JMB yang tidak mematuhi syarat-syarat perundangan.

“Meskipun pelbagai program penerangan masih dijalankan, sudah sampai masanya untuk kita (MBPP) mengeluarkan Notis Mengkehendaki Pengasingan Sampah kepada mereka yang ingkar,” ujarnya selepas mempergerusikan Mesyuarat Biasa Majlis MBPP di Dewan Bandaraya di sini.

Dasar Pengasingan Sisa Di Punca mula diperkenalkan pada 1 Jun 2016 di bawah Undang-undang Kecil Pengasingan Sampah dan Pelesenan Perkhidmatan Pemungutan Sampah Yang Boleh Dikitar Semula (MBPP) 2016.

Mengulas lanjut, Patahiyah memberitahu, notis tersebut turut akan dikeluarkan terhadap mana-mana pemilik atau penghuni premis yang didapati tidak menyediakan tong sampah bersesuaian bagi menyimpan sisa-sisa baki yang dikumpul.

“Bagaimanapun, jika mereka gagal berbuat demikian mulai 1 Jun 2017, tindakan mengkompaun akan dikenakan iaitu sebanyak RM250 bagi setiap kesalahan.

“Sekiranya mereka masih berdegil dan gagal mengikut arahan ditetapkan, tindakan mahkamah akan diambil. Jika disabit kesalahan, denda boleh dikenakan sehingga tidak melebihi RM2,000 atau dipenjarakan bagi suatu tempoh yang tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya sekali,” jelasnya.

Tambah Patahiyah, justeru, MBPP memberi peringatan tegas kepada masyarakat dan pihak-pihak JMB bahawa segala keputusan adalah tertakluk kepada kewajipan dan tanggungjawab semua di bawah Undang-undang Kecil Pengasingan Sampah berkenaan.

Pentingkan semangat kesukanan dalam pertandingan - Rashid

SEMANGAT KESUKANAN...

Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Mohd. Rashid Hasnon memuji semangat kesukanan yang ditunjukkan para peserta Kejohanan Badminton Antara Syarikat Ke-7 yang berlangsung di Kompleks Badminton Bukit Dumbar baru-baru ini.

"Sukan dapat mempromosikan kebersamaan, perpaduan selain menyihatkan badan."

"Selain itu, apa yang perlu dipaparkan dalam sesebuah pertandingan mahupun aktiviti sukan adalah penanaman semangat kesukanan antara rakan-rakan sepasukan dan juga pihak lawan," ucapnya pada majlis berkaitan di sini.

Pada kejohanan berkaitan, sebanyak 18 pasukan termasuk syarikat multinasional mengambil bahagian.



MOHD. Rashid Hasnon (berkemeja putih, tengah) bersama isteri bergambar kenangan dengan para peserta Kejohanan Badminton Antara Syarikat Ke-7 di sini baru-baru ini.

Completing Mid 2017

SIERRA • EAST
Sense of Living

5% Discount for Bumiputra

Freehold

Happy Chinese New Year

Actual Unit Ready For Viewing

• Built Up Area : 1200 sq. ft. - 1400 sq. ft.

SALES GALLERY OPEN DAILY
10.00am - 6.00pm
04 - 226 6801 • 012 - 429 6801 • 012 - 400 7002

Developer : Chong Company Sdn. Berhad (5009-W)
54, Jalan Dato Keramat, 10150 Penang.
(E) : marketing@chongcompany.com.my
(W) : www.chongcompany.com

Penang Digital Library, kemudahan untuk rakyat terokai dunia digital

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**
 Gambar : **LAW SUUN TING & ARKIB
PDL**

TATKALA menyebut perkataan perpustakaan, pasti ramai membayangkan deretan buku-buku yang tersusun rapi mengikut kategori dan abjad.

Siapa sangka, apabila melangkah masuk ke Perpustakaan Digital Pulau Pinang atau lebih dikenali sebagai *Penang Digital Library* (PDL) tidak ada satu naskah buku pun boleh ditemui.

Menerapkan teknologi informasi sebagai sarana untuk menyimpan dan menyebarluaskan maklumat dalam format digital, PDL semestinya memberikan suatu pengalaman membaca yang berbeza.

Ikuti temu bual eksklusif wartawan Buletin Mutiara bersama-sama Pustakawan PDL, **ANAS MORAD** dekat sini baru-baru ini.

LOKASI & WAKTU OPERASI

Terletak dalam perkarangan sekolah aliran berbahasa Inggeris tertua di Asia Tenggara, *Penang Free School*, bangunan PDL dua tingkat ini masih mengekalkan ciri-ciri binaan lama.

“Dahulunya, bangunan PDL ini merupakan bangunan yang dikhaskan untuk kediaman pengetua sekolah *Penang Free School* yang kemudiannya diambil alih oleh Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri (PSUK) sebagai rumah banglo inap Persatuan Suri dan Anggota Wanita Perkhidmatan Awam Malaysia (PUSPANITA) Negeri Pulau Pinang selepas ia terbiar kosong sejak tahun 2006.

“Mungkin ramai yang masih tidak tahu bahawa bangunan ini terletak di dalam kawasan sekolah (*Penang Free School*) dan ia telah ditransformasikan menjadi PDL selepas Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng mendapat cetusan idea mewujudkan perpustakaan digital umum pertama di Pulau Pinang,” ujar Anas memulakan bicara.

Dirasmikan pada 8 Oktober 2016 oleh Ketua Menteri, PDL beroperasi 365 hari setahun, meskipun hari Sabtu, Ahad dan cuti umum, bermula pukul 10 pagi dan ditutup pada pukul 10 malam.

CETUSAN IDEA KETUA MENTERI PULAU PINANG

Ujar Anas, PDL direalisasikan hasil cetusan idea Ketua Menteri selepas beliau melawat ke Keysight Technologies (M) Sdn. Bhd. (Keysight) iaitu syarikat elektronik terkemuka di dunia di Bayan Lepas pada November 2015.

“Di Keysight, terdapat sebuah perpustakaan digital untuk kegunaan pekerjanya dan konsep itu diterapkan untuk membangunkan sebuah perpustakaan digital bagi kegunaan umum di Pulau Pinang.

“Malah, di sini (PDL) kita turut menggunakan kapakaran daripada Keysight terutamanya dari segi teknikal, perkakasan kompenan fizikal (*hardware*) dan perisian (*software*) termasuklah susun



KETUA Menteri dan barisan kepimpinan Kerajaan Negeri berlatarbelakangkan PDL menunjukkan tanda bagus pada majlis perasmianya 8 Oktober 2016 lalu. Turut kelihatan ialah S. Bharathi (kiri sekali).

atur isi kandungan PDL,” ceritanya yang tekad mahu menjadikan perkhidmatan di PDL suatu kelainan berbanding perpustakaan konvensional yang terdapat di Pulau Pinang.

PDL adalah hasil inisiatif bersama Kerajaan Negeri Pulau Pinang, Keysight dan Eastern & Oriental Berhad (E&O) dengan disokong oleh *TIME dot com* melalui perkongsian PPP atau perkongsian awam-swasta secara tanggungjawab sosial korporat.

Kini, PDL terletak di bawah pentadbiran Perbadanan Ketua Menteri (CMI).

Projek yang bernilai RM2.5 juta ini adalah bertujuan untuk mentransformasikan mekanisme perpustakaan tradisional menerusi dunia digital.

“Objektifnya adalah sebagai pemangkin utama terhadap pembangunan STEM (Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik) di Pulau Pinang, selain menjadi penghubung kepada masyarakat dengan dunia digital masa kini dan sebagai ruang perkembangan kreativiti dan inovasi melalui alat mudah alih dan akses WiFi sedia ada.

“Selain STEM, pengguna juga boleh mendapat maklumat atau bahan bacaan dalam bahasa Inggeris serta dalam pelbagai lapangan termasuk keusahawanan, STEM dan sebagainya,” ujarnya.

KEMUDAHAN & KEISTIMEWAAN

Selain menyediakan akses jalur lebar berkelajuan maksimum sehingga 100 megabit sesaat (Mbps) secara percuma untuk pelawat, PDL turut menyediakan 10 unit iPad untuk memberi kemudahan

mengakses *e-magazine* (majalah elektronik) dan *e-book* (buku elektronik) pilihan.

Pelawat turut digalakkan untuk menggunakan telefon pintar atau peralatan mudah alih sendiri memandangkan pihak pengurusan PDL turut menyediakan pangkal kuasa (*power port*) dan ruang santai yang selesa bagi mereka yang mahu bersendirian tanpa gangguan.

Ruang amfiteater yang moden dan futuristik boleh memuatkan sehingga 40 orang dalam satu-satu masa turut menjadi ‘port’ santai bagi mereka yang datang secara berkumpulan.

Menyediakan 100 peratus bahan bacaan

digital dengan lebih 3,000 judul *e-book*,


e-magazine dan jurnal rujukan, PDL turut

mempunyai dua buah bilik kolaborasi

yang boleh memuatkan sehingga 12 orang setiap satu dan *nook corner* atau ruang ceruk yang selesa bagi mereka yang mahu bersendirian tanpa gangguan.

Ruang amfiteater yang moden dan futuristik boleh memuatkan sehingga 40 orang dalam satu-satu masa turut menjadi ‘port’ santai bagi mereka yang datang secara berkumpulan.

Bagi bilik kolaborasi dan amfiteater, disediakan televisyen LED 58” bagi kegunaan pembentangan ataupun perbincangan.



ANAS Morad menunjukkan cara mengakses *e-book* menggunakan iPad yang disediakan di sini.

(Dari muka 24)



PARA pelawat yang tertarik dengan kemudahan skrin sentuh yang terdapat di sini.

Kemudahan asas seperti tandas, kafe berdasarkan pastri dan bakeri, Love A Loaf, pemantauan televisyen litar tertutup (CCTV) dan ruang lokar turut disediakan termasuk ruang parkir untuk kereta dan motosikal.

Kemudahan seperti ruang dan bilik bacaan turut boleh disewakan khas oleh orang awam mengikut kadar yang telah diluluskan oleh Kerajaan Negeri.

Istimewanya, kemudahan-kemudahan ini adalah berkonsepkan mesra keluarga, mesra orang kurang upaya (OKU) (hanya di Aras Bawah) dan mesra warga emas dengan persekitaran yang menghijau dan santai, sesuai untuk semua peringkat usia.

KEAHLIAN PDL

Menurut Anas, berdasarkan rekod, sehingga 8 Januari 2017, seramai 1,650 pengguna telah berdaftar sebagai ahli.

“Buat masa ini, keahlian adalah percuma dan terbuka kepada semua yang mempunyai telefon pintar atau alat mudah alih digital.

“Walau bagaimanapun, kadar yuran keahlian yang nominal bagi bahan bacaan elektronik akan dikenakan pada masa hadapan.

“Pengguna hanya perlu memuat turun aplikasi ‘Readcasa’ by Penang Digital Library melalui App Store atau Play Store, ikut arahan yang ditetapkan dan anda akan menerima e-card untuk mengakses keseluruhan bahan yang terdapat dalam PDL,” ujarnya yang kagum dengan sambutan orang ramai sejak mula beroperasi.



RUANG bacaan di Aras 1.



ANTARA kemudahan yang terdapat di ruang amfiteater PDL.



RUANG legar kafe yang sesuai untuk pelawat menikmati kopi sambil membaca.

HARAPAN

Sebelum pulang, penulis berkesempatan untuk bertemu dan bertanyakan harapan pada masa hadapan dengan Timbalan Pengurus Besar Perbadanan Ketua Menteri (CMI), S. BHARATHI yang merupakan antara individu utama yang bertungkus-lumus merealisasikan penubuhan PDL.

“Penduduk Pulau Pinang khususnya perlu mengambil peluang yang ada, meneroka kemudahan yang disediakan oleh PDL dan datang sendiri untuk merasai pengalaman yang berbeza ini.

“Pastinya, bagi pihak Kerajaan Negeri, kami mahu mempromosikan Pulau Pinang sebagai tempat untuk tinggal, kerja dan bersantai dan PDL tidak mahu ketinggalan dengan menawarkan perkhidmatan berdasarkan pengetahuan melalui dunia digital.

“Untuk itu, saya mengalu-alukan orang ramai untuk mengambil inisiatif datang ke sini dan guna kemudahan yang disediakan oleh Kerajaan Negeri kepada umum

secara percuma,” ujarnya.

TEMPAHAN KEMUDAHAN

Untuk sebarang tempahan ataupun pertanyaan berhubung kemudahan dan perkhidmatan yang disediakan oleh PDL, sila hubungi:

Perpustakaan Digital Pulau Pinang
No. 135, Jalan Masjid Negeri, 11600 George Town,
Pulau Pinang.
Telp: 04 – 370 8687 (Pejabat)

04-370 8715 (Kaunter, 10 pagi – 10 malam sahaja)

Emel help@penangdigitallibrary.com

Laman sesawang rasmi

www.penangdigitallibrary.com.

Atau tulis secara rasmi ke **Perbadanan Ketua Menteri Pulau Pinang**, Tingkat 47, Komtar, 10503 George Town, Pulau Pinang.

MBPP peruntuk RM2 juta naik taraf Padang Kota Lama

Oleh : NORSHAHIDA YUSOFF
Gambar : DARWINA MOHD. DAUD

GEORGE TOWN – Masalah sistem saliran dan takungan air yang sering kali berlaku di padang Padang Kota Lama selepas kejadian hujan lebat akan selesai apabila kerja-kerja menaik taraf siap Jun ini.

Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) dalam kenyataan akhbar bertarikh 16 Januari lalu menyatakan bahawa MBPP banyak menerima aduan mengenai masalah berkaitan sehingga menjelaskan pelancaran aktiviti-aktiviti yang diadakan di padang berkaitan.

“Demi mengatasi masalah saliran dan penakungan air di Padang Kota Lama, MBPP sedang melaksanakan kerja-kerja naik taraf di sini.

“Atas inisiatif ini, MBPP membelanjakan RM2,070,539.55 bagi melaksanakan kerja-kerja penggantian dan pemasangan komponen utama projek,” katanya di sini.

Menurut MBPP, projek tersebut bakal mengambil tempoh masa enam bulan untuk disempurnakan bermula 20 Disember 2016 hingga 19 Jun 2017.

“Setakat ini, kerja-kerja pengorekan rumput, kerja tanah dan pemasangan pagar keselamatan sekeliling padang berjalan dengan lancar di atas tapak.

“Komponen utama projek ini adalah melibatkan pemasangan *sub-oil drainage*, penggantian *topsoil*, penanaman semula rumput, pembinaan *perimeter drain* tambahan dan pembesaran parit sedia ada serta memanjangkan struktur *outfall* ke laut.

“Pentas sedia ada turut akan dirobohkan bagi memberi laluan kepada kerja-kerja meluruskan parit melalui pembinaan *precast box culvert*,” jelasnya.



KEADAAN padang Padang Kota Lama yang kini dalam proses dinaik taraf.

380 alat senaman dipasang di Seberang Perai sejak 2013 - Ahli Majlis

JAWI - Kira-kira 380 alat senaman untuk kegunaan awam dipasang di ketiga-tiga daerah Seberang Perai sejak tahun 2013.

Ahli Majlis bagi Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) H'ng Mooi Lye menyatakan sedemikian pada majlis lawatan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Jawi, Soon Lip Chee berhubung projek pemasangan empat unit alat senaman dekat Taman Cenderawasih di sini baru-baru ini.

“Pemasangan 380 alat senaman ini adalah sejak 2013 hingga sekarang, dan jumlah alat senaman ini masih belum termasuk alat senaman yang dipasang atas inisiatif ADUN-ADUN dan Ahli-ahli Majlis,” jelasnya kepada Buletin Mutiara.

Hadir sama, Ahli Majlis MPSP, Heng Yeh Shiuian serta Setiausaha Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Komuniti (JKKK) Air Melintas, V. Thilagawathi.

Pun begitu, menurut Yeh Shiuian, kos kerosakan alat senaman awam akibat vandalisme saban tahun dianggarkan kira-kira bernilai RM100,000.

Walhal, menurut beliau, MPSP saban tahun di bawah kontrak Majlis memperlukan kira-kira RM150,000 hingga RM200,000 untuk projek pemasangan alat senaman awam di bahagian Seberang Perai.

“Saya berharap orang ramai boleh menghargai kemudahan disediakan MPSP dan menggunakan kemudahan ini dengan cermat serta cara yang betul untuk mengelakkan kerosakan.

“Sekiranya kos penyelenggaraan kurang, MPSP dapat menggunakan wang ini untuk menyediakan lebih banyak kemudahan kepada orang ramai,” ujarnya.

Dalam perkembangan sama, Lip Chee turut memuji inisiatif pihak berkusa tempatan (PBT) berkenaan di



(Dari kiri), HENG Yeh Shiuian, V. Thilagawathi, Soon Lip Chee, dan H'ng Mooi Lye ketika mengadakan lawatan ke tapak projek pemasangan empat alat senaman oleh MPSP di sini baru-baru ini.

bawah program 4Ps atau “*Public, Private, Partnerships, People*” dalam memastikan semua kawasan tanah lapang di lokasi kediaman dimanfaatkan dengan pemasangan alat-alat senaman awam.

Jelasnya, inisiatif berterusan MPSP itu akan menggalakkan lagi komuniti Seberang Perai untuk mengamalkan gaya hidup yang sihat.

“DUN (Dewan Undangan Negeri) Jawi hanya ada empat unit alat senaman sebelumnya jadi ADUN kawasan.

“Dan, kini terdapat 31 unit alat senaman telah dipasang di 10 kawasan DUN Jawi, termasuk kawasan taman dan kampung dengan peruntukan ADUN dan tajaan oleh sektor korporat,” jelas beliau.

Rai Hari Abor, TKM II syor namakan Taman Rekreasi Pak Abu

PERAI - Sebanyak 50 anak pokok ditanam di Taman Kolam Prima sempena meraikan Hari Arbor Seberang Perai 2016 di sini baru-baru ini.

Ketika berucap, Timbalan Ketua Menteri II, Prof. Dr. P. Ramasamy mengesyorkan supaya taman rekreasi berkaitan dinamakan sebagai Taman Rekreasi Pak Abu bagi menghargai sumbangan individu pencinta alam berkenaan dalam memulihara kawasan lapang di sini.

“Walaupun usaha pemeliharaan ini nampak kecil, namun ia sungguh bermakna serta menjamin perlindungan terhadap alam sekitar,” ujarnya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Perai pada majlis berkaitan.

Hadir sama, dua Ahli Majlis bagi Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP), P. David Marshel dan M. Satees, serta Siti Fatimah Ismail (Timbalan Pengarah Lanskap MPSP) dan Pengerusi Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Komuniti (JKKK) Taman Chai Leng, T. Thurasingam.

Ramasamy memberitahu, pihaknya di peringkat Kawasan Dewan Undangan Negeri (KADUN) Perai sejak 2008 lagi gigih menjalankan pelbagai inisiatif menghijaukan alam, demi merealisasikan moto ‘Pulau Pinang Bersih, Hijau, Sihat dan Selamat’ sebagaimana dihasratkan Kerajaan Negeri.

Dalam perkembangan lain, beliau turut memuji penganjur bersama, *Penang Nature Conservation Society* (PENCONS) kerana berjaya menganjurkan majlis keraian serta melaksanakan inisiatif menanam 50 anak pokok di sini.

Hari Arbor diraikan di seluruh dunia, demi menyemarak kesedaran orang ramai mengenai pri penting menjaga alam sekitar serta menanam pokok sebagai simbolik untuk generasi akan datang menikmati kehidupan ini.



PROF. DR. P. RAMASAMY (dua dari kiri) bersama-sama seorang tetamu utama lain menyempurnakan acara menanam anak pokok sempena sambutan Hari Arbor MPSP sambil disaksikan P. DAVID MARSHEL (kiri sekali) di sini baru-baru ini.

Elak tanah lapang terbiar, Exco harap bawa cadangan ke DUN



SALAH seorang penduduk menggunakan peralatan senaman yang terdapat di sini.

Oleh : **WATAWA NATAF ZULKIFLI**
Gambar : **DARWINA MOHD. DAUD**

GEORGE TOWN - Exco Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalulintas dan Tebatan Banjir, Chow Kon Yeow bercadang menggubal satu enakmen berhubung penggunaan tanah lapang dan terbiar agar ia digunakan semaksimum mungkin demi kepentingan komuniti setempat di negeri ini.

Beliau berkata demikian pada Majlis Perasmian Taman Poket Taman Victoria dekat Jalan Padang Victoria di sini 20 Januari lalu.

Mengulas lanjut, inisiatif tersebut adalah

penting sebagai menjamin penggunaan tanah-tanah terbiar ‘menjadi’ sesuatu yang positif dan menguntungkan semua pihak khususnya, masyarakat setempat.

“Contohnya, di sini (Jalan Padang Victoria), sebelum ini merupakan tanah lapang terbiar dan hari ini, hasil kerjasama pihak berkuasa tempatan (PBT) dan swasta, ia menjadi sebuah taman poket yang sangat cantik,” ujarnya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Padang Kota pada majlis berkaitan.

Hadir sama, Datuk Bandar Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), Dato' Patahiyah Ismail; Setiausaha Bandaraya,



CHOW Kon Yeow (empat dari kiri) dan Patahiyah Ismail (tiga dari kiri) bersama-sama barisan kepimpinan MBPP dan Kenny Yeoh Soo Kean (tiga dari kanan) bergambar kenangan pada Majlis Perasmian Taman Poket Taman Victoria dekat Jalan Padang Victoria di sini 20 Januari lalu.

Ar. Yew Tung Seang, Ahli-ahli Majlis MBPP dan Pengarah Eurasia Express Sdn. Bhd. (syarikat pemindahan sisa pepejal yang bekerjasama dengan MBPP bagi mewujudkan taman poket berkaitan), Kenny Yeoh Soo Kean.

Taman Poket Taman Victoria adalah hasil kerjasama MBPP dan Eurasia Express Sdn. Bhd. membabitkan kos keseluruhan RM100,000.

Sebagai gimik pelancaran, Kon Yeow dan Patahiyah telah menanam dua pokok buah *namnam* di sini.

Mengulas lanjut, Kon Yeow menyatakan bahawa beliau akan membawa cadangan

tersebut ke sesi Dewan Undangan Negeri (DUN) kelak.

“Malah, saya juga berharap pihak swasta dapat terus bekerjasama dengan PBT menerusi program tanggungjawab sosial korporat (CSR) demi mewujudkan pertalian swasta-kerajaan dalam menjayakan sesebuah projek komuniti,” jelasnya.

Dalam pada itu, Patahiyah memaklumkan, bagi 2017, MBPP memperuntukkan RM3 juta berhubung inisiatif mewujudkan lapan taman kejiran dan taman poket (5) berbanding tahun lalu berjumlah RM1.6 juta, 2015 (RM1.1 juta).

Kupon parkir tamat 2016, sah diguna sehingga 31 Mac

GEORGE TOWN - Datuk Bandar Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), Dato' Patahiyah Ismail menyatakan bahawa kupon parkir bagi tahun 2014, 2015 dan 2016 masih boleh digunakan sehingga 31 Mac 2017.

“Kita menerima banyak aduan dan pertanyaan berkenaan kupon yang cuma tercatat sehingga tahun 2016.

“Orang ramai tertanya-tanya sama ada ia boleh digunakan pada tahun ini atau terdapat jalan penyelesaian lain memandangkan terdapat (umum) yang telah membeli dalam kuantiti yang banyak sebelum ini.

“Prihatin dengan aduan berkaitan, MBPP memberi kelonggaran sehingga 31 Mac ini untuk menggunakan semua kupon yang tertera tahun-tahun berkaitan,” katanya pada sidang media Majlis Perasmian Taman Poket Taman Victoria di sini baru-baru ini.

Mengulas lanjut, Patahiyah menjelaskan bahawa, bagi menggunakan ia, pengguna tidak perlu melorek di bahagian tahun, cuma terus lorek di bahagian bawah (bulan dan waktu) sahaja,” jelasnya sambil menasihatkan orang ramai supaya membeli kupon parkir dalam jumlah memadai sahaja kelak.

PATAHIYAH Ismail menunjukkan bahagian tahun pada kupon yang tidak perlu dilorek dan sah digunakan sehingga 31 Mac ini.



Edar limau mandarin, program tradisi ADUN Pantai Jerejak

Teks & Gambar :
DARWINA MOHD DAUD

GONG XI FA CAI...
Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Mohd. Rashid Hasnon baru-baru ini mengedarkan 5,000 'chunlian' (ungkapan berpasangan untuk sambutan Tahun Baru Cina) dan ratusan buah limau mandarin kepada para peniaga dan pengunjung Pasar Awam Bayan Baru bersempena sambutan Tahun Baru Cina.

Program yang diadakan khas itu adalah bertujuan menyeru masyarakat supaya mengukuhkan perpaduan sedia ada bagi membawa perubahan demi



MOHD. Rashid Hasnon (kanan sekali) beramah-mesra dengan peniaga di Pasar Awam Bayan Baru sambil mengedar buah limau mandarin dan 'chunlian' di sini baru-baru ini.

masa depan yang lebih baik.

Dalam pada itu, Mohd. Rashid memberitahu bahawa inisiatif mengedar buah limau mandarin telah menjadi tradisi

bagi dirinya yang merupakan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pantai Jerejak setiap kali menjelang sambutan Tahun Baru Cina.



ANTARA 'chunlian' yang diedarkan.

"Pada kesempatan ini, saya berpeluang bertemu rakyat dan mengucapkan Gong Xi Fa Cai kepada masyarakat berketurunan Tionghua," ujarnya.

Nasib sekeluarga dibantu MP, NGO menjelang Tahun Baru Cina

MACHANG BUBOK -

Masalah penglihatan yang kronik mengakibatkan Lee Teik Boon, 46, dibuang kerja sebagai mekanik kereta sejak September lalu.

Dan, suami kepada empat anak yang masih kecil tersebut mengaku hilang punca sementara menunggu sambutan Tahun Baru Cina yang dijadualkan pada 28 Januari 2017.

Peka dengan keadaan Teik Boon, Ahli Parlimen (MP) Bukit Mertajam Steven Sim Chee Keong dan Penasihat Persatuan Kebajikan dan Amal Qi Li Xiang Bukit Mertajam, Peh Yam Teng telah mengadakan lawatan ke kediamannya di Kawasan Dewan Undangan Negeri (KADUN) Machang Bubok.

"Saya hilang kerja kerana masalah penglihatan saya, dan terima kasih kepada tetamu-tetamu yang datang berkunjung ke rumah saya, membantu keluarga kami," jelas Teik Boon kepada pemberita.

Chee Keong pula memberitahu, Teik Boon sekeluarga terutama anak-anak kini dalam perhatian Pusat Khidmat Ahli Parlimen Bukit Mertajam dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) pimpinan Yam Teng.

"Sekarang keluarga ini hanya bergantung hidup dengan hasil upah isteri, Lim Mi Csen, 33, membungkus barang-barang dari rumah...ada kerja, ada lah upah dalam RM30 sehari."

"Sehingga kini, Encik Teik Boon masih



STEVEN Sim Chee Keong (dua dari kiri) diiringi Peh Yam Teng (kiri sekali) merakamkan gambar kenang-kenangan ketika menziarahi keluarga Lee Teik Boon (belakang, tiga dari kiri) di kediamannya baru-baru ini.

berulang-alik ke Hospital Pulau Pinang (HPP), tetapi masih belum ada perkembangan yang baik.

"Tanggungannya agak berat, dan NGO ini ada memberi sumbangan, semoga mengurangkan beban anak bersekolah dan boleh membuat persiapan menyambut Tahun Baru Cina," jelasnya sambil menzahirkan rasa belas kasihan kepada keluarga berkenaan.

Tiga anak Teik Boon yang masih bersekolah di Sekolah Jenis Kebangsaan (Cina) Kay Sin ialah Lee Shu Yen, 11; Lee Shu Fen, 10; dan Lee Shu Sien, 8; manakala anak bongsu, Lee Shu Ping, 3, masih belum ke pra sekolah.

Sumbangan ikhlas boleh disalurkan ke akaun Public Bank penama, Lee Teik Boon bernombor 4-5274094-31 untuk membela nasib keluarga ini.

Parkir Moulmien Rise hanya untuk orang awam - ADUN

PULAU TIKUS - Pihak pengurusan bangunan parkir Moulmien Rise, Bellevue Group sama sekali tidak akan membenarkan 90 lot parkir bawah tanah yang dikhaskan kepada orang awam bagi dijadikan parkir pas bermusim.

Perkara tersebut dinyatakan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pulau Tikus, Yap Soo Huey bagi menjawab kebimbangan penduduk setempat berhubung perkara berkaitan sebelum ini.

"Perkara tersebut merupakan suatu kebimbangan yang dibangkitkan penduduk setempat sebelum ini, yang mana (mereka) bimbang sekiranya lokasi tersebut dijadikan parkir pas bermusim, maka orang ramai yang datang ke sini tiada lagi tempat untuk meletak kenderaan," katanya pada sidang media ketika Majlis Perasmian Parkir Moulmien Rise di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Pengurus Pengurusan Harta Bellevue Group, Alexius Liew.

Mengulas lanjut, Soo Huey menyatakan bahawa jumlah petak parkir di bangunan Moulmien Rise adalah berjumlah 90 petak dan terdapat satu lot untuk kegunaan orang kurang upaya (OKU).



YAP Soo Huey (tengah) dan Alexius Liew (kiri sekali) menunjukkan laluan masuk ke parkir awam Moulmien Rise yang kini dibuka kepada orang awam pada sidang media di sini baru-baru ini.

"Jumlah itu adalah sama seperti jumlah parkir terbuka sebelum kawasan ini dibangunkan sebagai bangunan Moulmien Rise," jelasnya sambil menyatakan bahawa lokasi tersebut kini dikendalikan syarikat Secure Parking Corporation (Secure Parking).

"Tempoh sehingga 28 Februari ini, bayaran promosi dikenakan pihak Secure Parking adalah RM2 bagi satu jam pertama dan RM1 bagi jam berikutnya. Selepas tarikh itu, caj bayaran adalah RM2 satu jam pertama dan jumlah sama untuk jam berikutnya."

"Waktu operasi adalah dari jam 7 pagi hingga 12 tengah malam manakala, dalam tempoh promosi (sehingga 28 Februari), ia dibuka seawal 6 pagi," jelas beliau.

Arnab sebagai pet, tekad Emu

Oleh : YAP LEE YING
Gambar : IDZHAM AHMAD

WALAUPUN comel, kenapa arnab kurang digemari untuk dijadikan sebagai binatang peliharaan berbanding kucing?

Persoalan tersebut dikemukakan penternak arnab, Mohd. Zuhaim Zahari, 31, kepada Skud Jalan-jalan Buletin Mutiara pada sesi temu bual di Kampung Permatang Tengah, Balik Pulau baru-baru ini.

Berkecimpung dalam bidang ternakan tersebut dalam tempoh lima tahun, Mohd. Zuhaim atau lebih dikenali sebagai Emu berharap suatu hari nanti, arnab akan lebih menjadi pilihan berbanding binatang-binatang peliharaan lain terutamanya kucing.

“Arnab lebih unik berbanding kucing. Bulu arnab tak menjadi masalah sangat termasuk dalam kalangan budak-budak asma.

“Lebih senang dijaga, makan pun senang dan berak pun tak sebesar (saiz) kucing, dan kemudian boleh dijadikan baja sayuran,” katanya memberi maklum balas.

Bermula sebagai hobi, antara spesies arnab dimiliki Emu kini ialah New Zealand White, Teddy Bear, Mini Rex dan Netherlands Dwarf.

Jenis (spesies) New Zealand White adalah lebih kepada pasaran daging dan selebihnya adalah untuk peliharaan.

“Kini, saya lebih menumpukan kepada pasaran hobi kerana tidak berani memberi komitmen untuk pasaran daging, kerana (kini) masih di peringkat kecil-kecilan,” jelasnya yang kini bergiat separuh masa dalam bidang berkaitan.

PENGALAMAN

Berkongsi pengalamannya, Emu mendapatkan dua ekor arnab pertama beliau daripada seorang rakan – yang jenis kampung (biasa) berwana hitam putih.

“Selepas empat bulan, baru saya tahu yang kedua-dua ekor tu adalah jantan, kecewa dan rasa kelakar pun ada. Terpaksa saya mendapatkan sepasang yang lain dan dari situ saya belajar mengenal pasti arnab jantan dan betina.

Selain itu, banyak tips-tips lain saya belajar dari laman sosial, perkongsian informasi daripada kumpulan-kumpulan

peminat arnab termasuk di laman Facebook (FB), arnab comel,” katanya.

Mengulas lanjut, Emu menyatakan bahwa penjagaan ibu dalam tempoh mengandung adalah amat penting. Disebabkan kurang berpengalaman, lebih 20 ekor anak arnab yang baru dilahirkan mati.

“Saya nampak sendiri yang ibu arnab makan anak-anaknya. Ia gigit kepala dan tinggal bahagian badan sahaja. Memang sedih.

“Selepas kaji sendiri melalui internet dan kongsi maklumat dengan rakan-rakan penternak lain, baru saya faham yang ibu mengandung perlu diberi makan dengan cukup seperti oat, alfalfa hay, daun timothy hay, rumput napier dan produk-produk berprotein lain.

“Selain memastikan bekalan susu yang cukup selepas melahirkan anak, ia juga bagi mengelakkan ibu arnab makan anaknya sendiri selepas dilahirkan,” jelasnya yang turut menekankan bahawa penjagaan arnab turut mementingkan kebersihan termasuk sangkarinya.

CABARAN

Kebersihan sangkar arnab adalah amat penting. Sekiranya sangkar dibiarkan kotor, arnab-arnab peliharaan akan mudah dijangkiti penyakit kurap dan kemudian merebak dalam kalangan ia.

Walaupun boleh diubati, arnab-arnab yang dijangkiti bakal menjelaskan harga jualan kelak.

Selain itu, cuaca turut memainkan peranan penting. Cuaca panas bakal menjelaskan pembiakan arnab, sebaliknya, pada musim hujan, arnab-arnab mempunyai kecenderungan tinggi untuk mengawan dan mengandung.

“Arnab-arnab perlu diletakkan di dalam sangkar berasingan dan hanya dimasukkan ke dalam sebuah sangkar bersama ketika proses mengawan.

“Hanya memerlukan sekali ‘persetubuhan’, selepas itu, kedua-dua arnab perlu diasingkan untuk tidak menjelaskan proses mengandung si ibu.

“Bagi penternak yang mahir, kita dapat merasai guliguli kecil di dalam perut si ibu selepas 14 hari sekiranya proses ‘persetubuhan’ itu berjaya, sekiranya gagal,



MOHD. Zuhaim Zahari atau Emu menunjukkan cara memegang arnab dengan cara yang betul.

si ibu akan dimasukkan sekali lagi ke dalam sangkar arnab jantan,” ulasnya lanjut.

Sebagai tambahan, Emu memberitahu bahawa anak arnab yang dilahirkan adalah menyerupai dan bersaiz seperti anak tikus. Badannya hanya diselaputi bulu selepas berusia seminggu. Tempoh matang dan sesuai untuk mengawan bagi seekor arnab ialah pada usia enam bulan.

PASARAN

Laman sosial seperti Facebook dan Mudah.my merupakan platform pemasaran Emu dalam memasarkan arnab-arnab ternakannya.

“Setakat ini, tempahan (spesies) Teddy Bear memang banyak, sampai tidak cukup sebab purata bayi yang



KANDANG arnab Emu kini.

dilahirkan adalah empat ekor sahaja berbanding New Zealand White yang boleh mencecah maksimum sembilan ekor.



SPESIES New Zealand White bagi jualan daging.



SANGKAR-sangkar yang menempatkan arnab peliharaan Emu kini.

(Dari muka 27)

“Bila pelanggan *order*, yang dari dalam bahagian pulau (Pulau Pinang), saya akan cuba hantar, manakala yang di Seberang (Perai), kebanyakannya saya minta mereka (pelanggan) tunggu di muka jambatan.

“Bagi *Teddy Bear*, harga jualan pasaran anak adalah bermula dari harga RM50 tanpa mengira jantan ataupun betina. Kualiti seperti bulu yang kembang, tahap kesihatan dan beberapa ciri-ciri lain menjadi faktor ia dapat dijual pada harga lebih mahal.

“Bagi *Mini Rex* dan *Netherlands Dwarf*, harga pasaran anak adalah dari RM200, juga bergantung

kepada bulunya yang menyerupai karpet halus, saiz badan serta saiz telinga lebih kecil,” jelasnya sambil menyatakan bahawa cara memegang seekor arnab adalah dengan menggenggam kulit di bahagian belakang kepalanya dan bukan pada telinga ia.

PERANCANGAN MASA DEPAN

Emy yang kini dikurniakan dua cahaya mata berhasrat untuk menambah baka arnab peliharaannya, antaranya jenis *Holland Lop* (jenis yang telinga jatuh).

Terus menfokuskan kepada



ANAK Mini Rex dan Netherlands Dwarf.

pasaran ‘arnab sebagai hobi’, beliau juga ingin menambah bilangan sangkar sedia ada.

“Harap satu hari nanti saya dapat menjadikan perusahaan ini sebagai bidang sepenuh masa saya dan paling penting, mengubah persepsi masyarakat umum untuk beralih kepada arnab berbanding kucing sebagai *pet*,” katanya yang turut berterima kasih kepada Kerajaan Negeri atas inisiatif mewujudkan Skim Usahawan Tani bagi membantu penternak-penternak kecil sepertinya.

SKIM USAHAWAN TANI

“Pinjaman bernilai RM5,000 yang diterima pada Oktober tahun lalu digunakan untuk membesarkan bangsal sedia ada dan juga menambah bilangan sangkar.

“Gembira sangat apabila dimaklumkan berjaya


dalam permohonan sebab memang kebetulan terdapat perancangan untuk membesarkan kandang sedia ada. Lagipun, kandang (bangsal) sebelum ini bumbung telah berlubang.

“Saya pohon kira-kira dalam tempoh enam hingga tujuh bulan sahaja. Selepas pohon, wakil (Jabatan) Veterinar datang tengok dan lepas itu dimaklumkan dapat.

“Terima kasih sangat-sangat,” kata anak sulung daripada lima beradik itu tanda syukur.

INFO:

Akaun Mudah.my: islander rabbitry
FB: la intrusa
No. Tel. : 019 – 519 3461



SPESIES arnab *TEDDY Bear*.




BORANG-BORANG BOLEH DIDAPATI DI

TABUNG

USAHAWAN

TANI MUDA

NEGERI PULAU PINANG

JABATAN PERTANIAN
+04-537 2142

JABATAN PERIKANAN
+04-657 2777

JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR
+04-508 4368